

# **HUDUD**

# SATU PENJELASAN



Cetakan Pertama 2015

© Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia  
Penerbitan

Data Pengkatalogan-dalam-

Penerbitan:

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)  
Tingkat 9, Menara Utara  
Bangunan Sultan Idris Shah  
Seksyen 5  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan


Tel: 603-5514 3752

Faks: 603-5512 4042

E-Mel: pro@mais.gov.my

Laman web: mais.gov.my

Dicetak oleh:



# KANDUNGAN

PRAKATA	vii
<b>Bab 1 PENGENALAN UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM</b>	<b>1</b>
<b>Bab 2 OBJEKTIF UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM</b>	<b>5</b>
<b>Bab 3 PERBANDINGAN ANTARA UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DAN UNDANG-UNDANG SIVIL CIPTAAN MANUSIA (MAN MADE LAW)</b>	<b>17</b>
<b>Bab 4 HUDUD</b>	<b>23</b>
1. PENGENALAN HUDUD	23
2. JENIS-JENIS JENAYAH HUDUD	25
2.1 Zina	26
2.2 Menuduh Orang Berzina ( <i>Qazaf</i> )	28
2.3 Minum Arak	33
2.4 Mencuri	37
2.5 Murtad	39
2.6 Merompak	41
2.7 Menderhaka ( <i>Bughah</i> )	42

<b>Bab 5</b>	<b>HUKUMAN BAGI JENAYAH-JENAYAH HUDUD</b>	<b>45</b>
1.	HUKUMAN KE ATAS PENZINA	45
2.	HUKUMAN KE ATAS PENUDUH ZINA (QAZAF)	48
3.	HUKUMAN KE ATAS PEMINUM ARAK	49
4.	HUKUMAN KE ATAS PENCURI	49
5.	HUKUMAN KE ATAS PEROMPAK	51
6.	HUKUMAN KE ATAS ORANG YANG MURTAD	53
7.	HUKUMAN KE ATAS PEMBERONTAK	55
<b>Bab 6</b>	<b>PERBANDINGAN PELAKSANAAN HUDUD DI NEGARA-NEGARA ISLAM</b>	<b>57</b>
1.	MALAYSIA	57
2.	BRUNEI DARUSSALAM	63
3.	ARAB SAUDI	66
4.	PAKISTAN	68
5.	SUDAN	72
6.	NEGARA-NEGARA LAIN	76
i.	Libya	76
ii.	Afghanistan	76
iii.	Somalia	77

<b>Bab 7</b>	<b>ISU-ISU MENGENAI HUDUD DI MALAYSIA</b>	<b>79</b>
1.	HUKUMAN HUDUD KEJAM DAN ZALIM?	79
2.	HUKUMAN SEBAT MELANGGAR HAK ASASI MANUSIA?	80
3.	SEKATAN UNDANG-UNDANG?	87
4.	KESESUAIAN PELAKSANAAN HUDUD DI DALAM NEGARA YANG BERBILANG AGAMA?	88
5.	BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH TERHAD?	91
6.	MURTAD : BUNUH ATAU TIDAK?	92
<b>Bab 8</b>	<b>USAHA MENGURUS ISU-ISU DI PERINGKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI</b>	<b>95</b>
<b>Bab 9</b>	<b>MERAPATKAN JURANG-JURANG IKHTILAF</b>	<b>101</b>
1.	PERINGKAT PERTAMA : PEMAHAMAN, PENYEDARAN DAN PENGHAYATAN	102
2.	PERINGKAT KEDUA : PERSEKITARAN DAN FASILITI YANG KONDUSIF	103
3.	PERINGKAT KETIGA : KAJIAN YANG HOLISTIK	107
4.	PERINGKAT KEEMPAT : PRA PELAKSANAAN	109

5. PERINGKAT KELIMA : PERUNDANGAN	109
6. PERINGKAT KEENAM : PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN BERTERUSAN	113
<b>Bab 10 PROGNOSIS</b>	<b>115</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>122</b>

## PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, Selawat dan Salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Dengan limpah dan kurniaNya maka dapatlah buku, *Hudud : Satu Penjelasan* ini diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dengan pembiayaan sepenuhnya daripada Lembaga Zakat Selangor. Terbitan buku ini adalah bertujuan mengembalikan semula manfaatnya kepada umat Islam melalui penjagaan syariat Islam yang sering diancam oleh pelbagai pihak termasuk dari segi memberi pencerahan kepada umat Islam mengenai konsep dan permasalahan yang berkaitan dengan pelaksanaan hudud.

Hudud adalah sebagai satu bentuk hukuman dunia yang telah ditetapkan oleh Allah SWT melalui Al-Qur'an dan RasulNya menerusi hadis-hadis Baginda SAW, sudah tentu mempunyai perbezaan dengan undang-undang ciptaan manusia. Buku ini turut memaparkan kes dan pengalaman beberapa buah negara yang telah melaksanakan hudud. Sebahagiannya berjaya mencapai matlamat pelaksanaan hudud namun, terdapat negara-negara yang menterjemahkan pelaksanaan hudud tidak sepetimana yang dihasratkan oleh Islam. Natijah kesilapan dari segi pentafsiran telah membawa pada pelaksanaan hudud yang kurang tepat dan membawa kepada gambaran bahawa Islam itu zalim, *barbaric*, tidak adil, mengamalkan diskriminasi dan pelbagai tohmahan lain.

Mengambil iktibar daripada kepincangan dari segi pemahaman, pentafsiran dan pelaksanaan oleh sesetengah negara atau masyarakat Islam di dunia, adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak kerajaan, agensi-agensi yang berkaitan dan masyarakat Islam sendiri memahami secara menyeluruh konsep

dan pelaksanaan hudud sebelum ia dipraktikkan sepenuhnya di Malaysia. Justeru, penulisan buku ini mengambil pendekatan ringkas dan komprehensif dalam mempersiapkan jentera pelaksana untuk menguruskan pelaksanaan hudud di negara ini. Matlamatnya adalah supaya hudud tidak berterusan dijadikan polemik politik sebaliknya dapat diterima dengan baik oleh masyarakat terutamanya umat Islam.

Penyusunan topik-topik yang terkandung di dalam buku ini membuktikan bahawa matlamat utama penerbitannya adalah untuk memberi ruang kepada pembaca memperhalusi dan memahami konsep undang-undang jenayah Islam yang mana hudud adalah sebahagian daripadanya. Kupasan isu-isu berkaitan hudud terkandung di dalam penulisan ini dan turut disertakan dengan beberapa cadangan pelaksanaan hudud di Malaysia.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ingin mengucapkan “*Jazakumullahu Khairan Kathira*” kepada semua pihak yang sama-sama terlibat bagi menyiapkan buku yang amat berharga ini untuk kepentingan umat Islam. Semoga dengan usaha yang kecil ini, akan memberi manfaat yang besar kepada umat Islam di samping memberi kesedaran untuk mengeluarkan zakat bagi kemaslahatan ummah melalui lapan asnaf yang diwajibkan. Hasil ganjaran yang diperolehi melalui penerbitan buku ini akan dikongsi pahala dan manfaatnya oleh pengeluar zakat di akhirat kelak.

Sekian, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa  
Pengerusi MAIS**

# BAB 1

## PENGENALAN UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

Undang-Undang Islam membahagikan jenayah kepada tiga pembahagian utama berasaskan pada hukuman yang dikuatkuasakan iaitu hudud, qisas dan takzir.

### 1. HUDUD

Hudud, iaitu jenayah yang ditetapkan hukuman kesiksaannya oleh Allah SWT. Maksud hukuman hudud ialah hukuman yang ditetapkan itu mesti dijalankan sebagaimana yang ditetapkan di dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah. Hudud melibatkan kesalahan zina, qazaf, mencuri, *hirabah*, minum arak, menderhaka dan murtad. Hukuman hudud ini telah ditentukan kadarnya oleh Allah SWT dan tidak boleh ditambah atau dikurangkan daripada ketentuan itu. Ia bersifat kekal dan tidak boleh diubah sehingga hari kiamat. Hukuman ini dianggap sebagai hak Allah SWT, dan tujuannya untuk kepentingan masyarakat umum bagi menghindari keburukan dan membawa manfaat kepada mereka.

### 2. QISAS DAN DIYAT

Qisas ialah jenayah yang ditetapkan hukuman kesiksaan secara balasan yang sama. Jenayah ini berkaitan dengan hak individu

(mangsa) atau walinya, iaitu jenayah bunuh dan mencederakan. Qisas memberi hak kepada mangsa atau waris mangsa memilih sama ada untuk meneruskan hukuman qisas terhadap penjenayah atau menggantikannya dengan diyat (pampasan) atau memaafkannya. Hak hukuman ini merupakan hak peribadi bagi mangsa atau warisnya. Apabila penjenayah dimaafkan, maka gugurlah kesalahan itu daripadanya.

Diyat maksudnya kadar pembayaran tertentu yang diberikan kepada keluarga mangsa oleh penjenayah. Diyat dikira sebagai hukuman asal jenayah untuk ganti rugi yang dibayar kepada mangsa atau keluarga. Kadar pembayaran diyat yang dikenakan adalah berbeza mengikut corak jenayah yang dilakukan, sama ada tidak sengaja atau separuh sengaja. Diyat juga diharuskan dalam jenayah bunuh secara sengaja, sekiranya penjenayah dimaafkan daripada hukuman mati oleh waris mangsa dengan pembayaran diyat.

Termasuk di bawah kategori jenayah qisas ini adalah seperti berikut:

Pembunuhan sengaja


Pembunuhan separuh sengaja

Pembunuhan tidak sengaja

Jenayah mencederakan secara sengaja

Jenayah mencederakan secara separuh sengaja

Jenayah mencederakan secara tidak sengaja



Ini sepetimana dinyatakan menerusi firman Allah SWT:

وَكَبَّنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ الْنَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ  
بِالْأَنْفِ وَالْأَذْنَ بِالْأَذْنِ وَالسِّنَ بِالسِّنِ وَالجُرُوحَ قِصَاصٌ  
فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَارَةٌ لَهُ وَمَنْ لَمْ تَحْكُمْ بِمَا  
أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya:

*"Dan kami telah tetapkan terhadap mereka di dalam kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, mata dibalas dengan mata, hidung dibalas dengan hidung, telinga dibalas dengan telinga, gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka hendaklah dibalas (sepertinya). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka itu menjadi penebus dosa baginya dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah SWT, maka mereka itulah orang-orang yang zalim."*

(Surah Al-Maa' idah; 5 : 45)

Pelaksanaan hukuman atas kesalahan membunuh dengan sengaja pernah dijalankan oleh Rasulullah SAW dalam kes kematian seorang remaja perempuan Yahudi yang dihentak kepalanya dengan seketul batu secara sengaja oleh seorang lelaki Yahudi dan kes kematian seorang mangsa pembunuhan yang ditemui terlantar di antara dua buah kampung.

### 3. TAKZIR

Takzir iaitu hukuman selain daripada hudud dan qisas. Kesalahan-kesalahan takzir tidak mempunyai ketetapan nas

hukuman terhadapnya sama ada hukuman hudud atau qisas. Kesalahan-kesalahan takzir boleh menimbulkan pencabulan hak terhadap ketenteraman awam atau individu. Sebagai contoh, dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Tirmidzi dan Al-Baihaqi, Rasulullah SAW diriwayatkan telah menjatuhkan hukuman penjara terhadap pelaku tuduhan palsu.

Kesalahan-kesalahan takzir termasuklah berjudi, berkhalwat, bercumbu-cumbuan dengan orang yang bukan mahram, ajaran sesat, memfitnah dan sebagainya. Hukuman bagi kesalahan di bawah kategori ini ditentukan oleh pemerintah atau hakim sesuai dengan suasana, penjenayah, kesalahan dan faktor lain.

Termasuk di bawah kesalahan takzir juga adalah kesalahan-kesalahan jenayah hudud dan qisas yang tidak disabitkan dengan hukuman disebabkan pendakwa gagal membuktikan elemen-elemen yang ditetapkan. Contohnya, kanak-kanak yang mencuri boleh dikenakan hukuman takzir sebagai pengajaran kerana belum mencapai usia baligh.<sup>1</sup>

Contoh lain bagi kesalahan takzir adalah kesalahan-kesalahan jenayah di dalam *Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995*.

---

1. Abdul Halim El-Muhammady. (1998). *Undang-undang jenayah Islam dan enakmen negeri-negeri*. UKM, Bangi, hlmn. 84.

## BAB 2

# OBJEKTIF UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

### 1. MENTAATI PERINTAH ALLAH SWT

Insan ialah makhluk Allah SWT yang diciptakan dengan sebaik-sebaik kejadian serta dilengkapi dengan akal fikiran untuk membina dan memakmurkan bumi Allah SWT serta menegakkan keadilan, keamanan, kesejahteraan dan kebaikan di muka bumi. Tujuan penciptaan insan adalah untuk beribadat kepada Allah SWT dan mengerjakan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Ini dinyatakan dengan jelas dalam firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”*

(Surah Adz-Zaariyat; 51 : 56)

Sebagai hamba Allah, setiap individu Muslim mesti mentaati perintah tuanNya (Allah SWT) dan meninggalkan laranganNya. Ini termasuklah perintah Allah SWT mengenai pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di mana setiap individu Muslim wajib melaksanakan perintah tersebut.

## 2. MENJAGA MAQASID SYARIAH

Islam menganggap perbuatan jenayah adalah kesalahan yang mesti dihukum kerana ia melanggar hak Allah SWT dan hak manusia atau hak kedua-duanya. Terdapat lima tujuan syariah (*maqasid syariah*) yang perlu dijaga oleh setiap individu Muslim iaitu agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Islam memandang tinggi kemuliaan agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Sebarang pencabulan terhadap lima perkara tersebut adalah satu jenayah yang perlu dihukum. Bagi menjaga lima maksud syariah ini, undang-undang hudud, qisas dan takzir telah diwujudkan.

Contohnya, bagi menjaga agama, terdapat undang-undang pencegahan murtad, undang-undang pencegahan ajaran salah, undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan solat Jumaat, puasa, zakat, wakaf, hadiah serta hibah dan sebagainya. Menjaga agama iaitu menjaga akidah umat Islam supaya tidak terpesong dan tidak menjadi murtad. Orang yang murtad akan disuruh bertaubat terlebih dahulu dan sekiranya dia enggan bertaubat, maka hukuman bunuh akan dikenakan ke atas mereka. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

من بدل دینه فاقتلوه

Maksudnya:

“Sesiapa yang menukar agamanya (murtad), maka bunuhlah dia.”

(Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Bagi tujuan menjaga nyawa pula, iaitu menjaga jiwa seseorang daripada dibunuh termasuklah menjaga anggota tubuh badan seseorang daripada dicederakan atau dirosakkan. Terdapat undang-undang yang berkaitan dengan membunuh dan mencederakan seperti qisas, undang-undang dan peraturan jalan raya, undang-undang pencegahan merokok dan sebagainya.

Sesiapa yang membunuh manusia atau mencederakan anggota tubuh badan mereka dengan sengaja, wajib dijatuhkan hukuman qisas atau diyat, sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ يَأْوِي إِلَيْهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya:

*“Dan dalam hukuman qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa.”*

(Surah Al-Baqarah; 2 : 179)

Terdapat larangan dan undang-undang pencegahan minum arak dan dadah serta undang-undang berkaitan dengan pendidikan kanak-kanak dan sebagainya bertujuan memelihara akal fikiran manusia daripada rosak disebabkan minum arak atau bahan-bahan yang memabukkan. Contohnya, mereka yang meminum arak wajib dijatuhkan hukuman sebat tidak melebihi 80 kali sebatan sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Sayidina Ali RA di dalam sebuah riwayat yang bermaksud:

*“Rasulullah SAW telah menyebat orang yang minum arak sebanyak empat puluh kali sebatan, Sayidina Abu Bakar telah menyebat sebanyak empat puluh kali sebatan juga, dan Sayidina Umar menyebat sebanyak lapan puluh kali.”*

(Hadis Riwayat Muslim)

Bagi tujuan menjaga harta pula, iaitu memelihara harta benda manusia daripada dicuri dan dirompak adalah dengan menjatuhkan hukuman potong tangan ke atas pencuri serta menjatuhkan hukuman mati atau potong tangan dan kaki keduanya sekali atau dibuang negeri ke atas perompak. Terdapat kesalahan jenayah berkaitan dengan mencuri, merompak dan

menyamun, undang-undang mengenai harta intelektual, undang-undang perniagaan serta pelaburan dan sebagainya. Hukuman yang dikenakan ke atas pesalah tertakluk pada cara rompakan atau pencurian harta dilakukan.

Bagi perompak pula, hukuman bagi kesalahan mereka dinyatakan menerusi firman Allah SWT:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ تُحَارِبُونَ اللَّهُ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ  
فَسَادًا أَن يُقْتَلُوا أَوْ يُصْلَبُوا أَوْ تُقْطَعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ  
خَلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ حِزْبٌ فِي الدُّنْيَا  
وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾

Maksudnya:

*“Bahawasanya, balasan orang yang memerangi Allah SWT dan RasulNya serta melakukan kerosakan di muka bumi (dengan menyamun dan merompak) ialah dengan dibalas bunuh atau disalib, atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan berselang, atau dibuang dari negeri (tempat kediumannya). Hukuman demikian itu adalah suatu penghinaan di dunia bagi mereka dan di akhirat kelak mereka beroleh azab yang amat besar.”*

(Surah Al-Maa’idah; 5 : 33)

Bagi pencuri yang disabitkan dengan jenayah curi, Allah SWT menetapkan hukuman potong tangan seperti firmanNya:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقةُ فَاقْطِعُوهُ أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَلًا  
مِنْ أَلَّهِ وَاللَّهُ عَرِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٤﴾

Maksudnya:

*"Dan lelaki yang mencuri dan wanita yang mencuri, maka potonglah (pergelangan) tangan (kanan) mereka sebagai satu pembalasan terhadap apa yang mereka telah kerjakan, dan sebagai seksaan daripada Allah SWT. Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."*

(Surah Al-Maa'idah; 5: 38)

Bagi menjaga maruah dan keturunan pula bermaksud memelihara insan daripada melakukan perzinaan supaya nasab keturunan, perwalian dan perwarisan anak-anak yang lahir hasil daripada persetubuhan haram itu tidak rosak. Justeru, terdapat undang-undang berkenaan zina, khalwat dan bersekedudukan, undang-undang *qazaf*, undang-undang kesahtarafan anak dan sebagainya bagi mencegah jenayah zina daripada berlaku.<sup>2</sup>

Pesalah zina wajib dijatuhan hukum sebat atau rejam sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam hadisnya yang diriwayatkan daripada 'Ubadah Bin As-Somit yang bermaksud:

*"Ambillah peraturan daripada aku, ambillah peraturan daripada aku. Sesungguhnya Allah SWT telah memberi jalan untuk mereka. Perempuan dengan lelaki yang berzina hukumannya disebat sebanyak seratus kali sebat, dan dibuang negeri selama setahun. Dan janda dengan duda yang berzina hukumannya disebat sebanyak seratus kali dan direjam."*

(Hadis Riwayat Muslim dan Abu Daud)

---

2. Prof. Dr. Mahmood Zuhdi. (2014). Pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia ditinjau dari perspektif maqasid syariah, *Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014*, UKM Bangi.

### 3. MENCEGAH JENAYAH DAN MELINDUNGI MASYARAKAT

Sesuatu hukuman dibuat adalah untuk mencegah masyarakat daripada melakukan jenayah. Oleh itu, pelaku jenayah perlu dihukum supaya masyarakat dapat dilindungi.

Al-Mawardi menyatakan, *"hudud merupakan pencegahan yang ditentukan oleh Allah SWT untuk menghalang manusia daripada melakukan jenayah. Nafsu merupakan perkara yang sebatи dalam diri manusia, yang biasanya boleh membuatkan manusia lalai daripada peringatan Allah SWT disebabkan pengaruh kenikmatan yang segera. Maka, Allah SWT menjadikan hukuman hudud sebagai faktor penghalang kepada perbuatan jenayah kerana manusia takutkan kepedihan hukuman dan tidak mahu mendapat malu. Dengan itu, segala larangan Allah SWT dapat dihindari dan segala suruhannya dapat dipatuhi."*<sup>3</sup>

Hudud adalah hukum yang hanya dijatuhkan ke atas penjenayah yang telah sabit kes agar segala perbuatannya dibalas setimpal dan memberi kesedaran atau keinsafan kepada dirinya supaya tidak lagi mengulangi perbuatan jenayah. Ia juga menjadi sistem yang menegah pihak lain daripada melakukan jenayah sepertinya.

### 4. HUKUMAN SERTA PEMBALASAN DUNIAWI DAN UKHRAWI

Dalam syariat Islam, konsep keseksaan dan hukuman yang dilaksanakan berbeza dengan sistem perundangan yang lain. Ini kerana, konsep hukuman menurut Islam berasaskan nilai-nilai

---

3. Zaini Nasohah. (2008). Beberapa aspek mengenai hukuman jenayah dalam Islam. Dlm. Siti Zalikhah Md. Nor et al. *Al-Syariah: Fiqh Jenayah, Jilid 4*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hlmn. 3.

agama kerana pembalasan yang dikenakan bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat. Menurut Islam, setiap amalan individu di dunia tidak akan terlepas daripada perhitungan di akhirat.

Al-Qur'an menggariskan banyak dalil yang menerangkan tentang kedudukan pembalasan di dunia dan di akhirat ini. Contoh hukuman pembalasan di dunia adalah sepertimana firman Allah SWT mengenai hukuman ke atas pelaku jenayah curi seperti berikut:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطُلُوْا أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَلًا

مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

*"Dan lelaki yang mencuri dan wanita yang mencuri, maka potonglah (pergelangan) tangan (kanan) mereka sebagai satu pembalasan terhadap apa yang mereka telah kerjakan, dan sebagai seksaan daripada Allah SWT. Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."*

(Surah Al-Maa'idah; 5 : 38)

Begini juga firman Allah SWT mengenai hukuman ke atas pelaku jenayah *qazaf*:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوْا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ

فَأَجْلِدُوهُمْ ثَمَنِينَ جَلْدًا وَلَا تَقْبِلُوا هُمْ شَهَدَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ

هُمُ الْفَسِقُونَ

Maksudnya:

*"Dan orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebatan dan janganlah kamu menerima penyaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang yang fasik."*

(Surah An-Nur; 24 : 4)

Mengenai keseksaan ukhrawi pula, terdapat banyak dalil yang memberi peringatan kepada manusia supaya sentiasa sedar bahawa tindakan mereka di dunia tidak akan terlepas daripada hukuman di akhirat. Contohnya, firman Allah SWT berkenaan balasan terhadap orang yang membunuh orang lain dengan sengaja:

وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُّتَعَمِّدًا فَجَزَاءُهُ جَهَنَّمُ خَلِدًا فِيهَا وَغَضِبَ  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعْنَهُ وَأَعَدَ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا

Maksudnya:

*"Dan sesiapa yang membunuh seorang Mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah Neraka Jahannam, dia kekal di dalamnya dan Allah SWT murka kepadanya serta melaknat dan menyediakan baginya azab yang besar (di dalam neraka)."*

(Surah An-Nisaa'; 4 : 93)

Ini kerana, setiap amalan seorang insan akan dinilai walaupun sebesar zarah. Firman Allah SWT:

يَوْمَئِنْ يَصُدُّرُ الْنَّاسُ أَشْتَأْنَا لَيْرَوْ أَعْمَلَهُمْ ﴿٦﴾ فَمَنْ يَعْمَلْ  
 مِثْقَالَ ذَرَّةٍ حَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

Maksudnya:

*"Pada hari itu manusia akan keluar (dari kuburnya) dalam keadaan yang bermacam-macam, supaya diperlihatkan kepada mereka (balasan) amalan mereka. Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalnya); Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalnya)!"*

(Surah Az-Zalzalah; 99 : 6-8)

## 5. MENDIDIK MASYARAKAT

Pelaksanaan hukuman berat ke atas penjenayah hudud perlu dilaksanakan di hadapan sekumpulan manusia. Hukuman yang dijalankan akan menjadi contoh amalan tegas sesebuah negara. Hukuman jenayah juga mendidik dan mencegah manusia daripada mendekati kesalahan-kesalahan tersebut serta memelihara masyarakat daripada kefasadan dan menyucikan mereka daripada dosa dan noda.

## 6. MELAKSANAKAN BALASAN YANG SETIMPAL

Secara umumnya, ia memberi pengertian bahawa penjenayah perlu dikenakan pembalasan yang setimpal dengan apa yang dilakukan. Ini sesuai sekali dengan konsep keadilan yang memerlukan seseorang itu mendapat pembalasan yang sesuai dengan apa yang dilakukannya. Firman Allah SWT:

وَجَزَّأُوا سَيِّعَةً سَيِّعَةً مِثْلَهَا

Maksudnya:

"Dan (jika kamu hendak membalaaskan maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang serupa..."

(Surah Asy-Syura; 42 : 40)

Matlamat pembalasan ini dapat dilihat dengan jelas terutama sekali pada hukuman-hukuman atau keseksaan yang tidak boleh dimaafkan seperti kesalahan hudud. Contohnya dalam jenayah curi, Allah SWT berfirman:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطُعُوا أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَلًا مِنْ  
اللهُ وَاللهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

"Dan lelaki yang mencuri dan wanita yang mencuri, maka potonglah (pergelangan) tangan (kanan) mereka sebagai satu pembalasan terhadap apa yang mereka telah kerjakan dan sebagai seksaan daripada Allah SWT. Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

(Surah Al-Maa'idah; 5 : 38)

Pada zaman Rasulullah SAW, seorang wanita didapati mencuri. Terdapat sebahagian sahabat Nabi SAW yang berusaha melepaskan wanita tersebut daripada dikenakan hukuman *hadd* mencuri. Ini telah menimbulkan kemarahan Rasulullah SAW. Baginda SAW bersabda yang bermaksud:

*“Musnahnya orang-orang yang sebelum daripada kamu semua ialah kerana apabila seorang yang mulia dalam kalangan kamu mencuri, mereka biarkan begitu sahaja. Tetapi apabila seorang yang lemah daripada mereka mencuri, mereka akan mengenakan hukuman ke atasnya. Demi Allah SWT! Kalau Fatimah Binti Muhammad sekalipun mencuri, aku akan potong tangannya!”*

(Hadis Riwayat Muslim, An-Nasa'i dan Ahmad daripada A'isyah)



## BAB 3

# PERBANDINGAN ANTARA UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DAN UNDANG-UNDANG SIVIL CIPTAAN MANUSIA

Objektif penciptaan Undang-Undang Jenayah Islam dan undang-undang jenayah ciptaan manusia adalah hampir sama iaitu untuk menjaga kepentingan umum dan memberi kesedaran kepada pelaku supaya tidak mengulangi kesalahan tersebut. Namun begitu, kedua-dua undang-undang tersebut sama sekali tidak serupa. Terdapat beberapa perbezaan antara Undang-Undang Jenayah Islam dan undang-undang jenayah ciptaan manusia, iaitu:

- i. Undang-Undang Jenayah Islam adalah undang-undang yang dicipta oleh Allah SWT manakala Undang-Undang Sivil pula adalah ciptaan manusia. Undang-Undang Jenayah Islam adalah undang-undang yang bukan sahaja "bukan ciptaan manusia" bahkan ia merupakan undang-undang daripada Pencipta iaitu Allah SWT yang diperturunkan menerusi RasulNya. Manusia juga diciptakan oleh Allah SWT dengan mempunyai akal fikiran dan perasaan. Oleh itu, Undang-Undang Sivil senang dipengaruhi oleh persekitaran dan pemikiran pada masa tersebut.
- ii. Undang-Undang Jenayah Islam diturunkan untuk memenuhi fitrah semula jadi manusia tanpa mengira tempat dan masa.

Bukan itu sahaja, ia juga sesuai untuk semua peringkat masyarakat tidak mengira umur, bangsa dan gelaran. Tujuan ia diperturun dan disyariatkan adalah untuk manusia beriman dan beramal dengan apa yang telah diperintahkan oleh Allah SWT demi kebaikan di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ  
يَكُونَ لَهُمْ أَخْيَرَةٌ مِّنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ  
ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya:

*“Dan tidaklah patut bagi lelaki yang beriman dan wanita yang beriman, apabila Allah SWT dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara, mereka mempunyai pilihan sendiri mengenai urusan mereka. Sesiapa yang menderhaka kepada Allah SWT dan RasulNya maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata.”*

(Surah Al-Ahzaab; 33 : 36)

Sebaliknya, Undang-Undang Sivil dicipta hanya untuk suatu tujuan bagi memenuhi keperluan sesebuah masyarakat tertentu pada sesuatu masa. Sebagai contoh, pada masa dahulu di Amerika Syarikat, perkahwinan golongan homoseksual adalah menyalahi undang-undang dan dikutuk oleh rakyat di negara tersebut. Walau bagaimanapun, undang-undang tersebut tidak lagi dianggap relevan dengan masyarakat masa kini dan mencabuli hak kemanusiaan (*human right*).

- iii. Allah SWT menetapkan Undang-Undang Jenayah Islam untuk menjaga *maqasid syariah* (matlamat-matlamat syariah) itu sendiri iaitu lima perkara yang sangat penting yang perlu dititikberatkan dalam kehidupan umat manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Sebagai contoh, umat Islam perlu bersih akal dan mindanya daripada perkara-perkara yang boleh menyebabkan mereka terjerumus ke lembah maksiat. Hanya orang yang waras akalnya akan tunduk kepada perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya. Oleh itu, sebarang minuman arak yang memabukkan adalah haram di sisi Islam dan orang Islam yang meminum minuman yang memabukkan ini boleh dihukum sebat sebanyak 80 kali sebatan. Manakala bagi Undang-Undang Sivil pula, tiada larangan untuk meminum arak kecuali jika ditangkap melebihi had alkohol semasa memandu. Kesan daripada undang-undang yang longgar tersebut banyak nyawa yang terkorban kerana dilanggar oleh pemandu mabuk.
- iv. Undang-Undang Jenayah Islam bukan sahaja merangkumi pembalasan di dunia malah di akhirat kelak. Undang-Undang Jenayah Islam adalah luas iaitu meliputi kesalahan hak yang bersabit hak Allah SWT, hak manusia serta hak Allah SWT bersama-sama hak manusia. Undang-Undang Jenayah Islam juga amat menitikberatkan soal keimanan, ibadat dan akhlak yang meliputi pelbagai bentuk kesalahan seperti murtad, meninggalkan solat, tidak berpuasa pada bulan Ramadan, berzina, berkhawlwat, berjudi dan minum arak. Berbeza dengan hukuman jenayah sivil yang tidak menganggap sesetengah jenayah seperti murtad, zina, meninggalkan solat, minum arak dan judi sebagai satu jenayah. Ini kerana soal unsur-unsur iman, ibadat dan akhlak tidak menjadi perkiraan yang penting bagi penggubal Undang-Undang Sivil kerana menganggap ia adalah hak dan privasi manusia.

- v. Undang-Undang Jenayah Islam mengutamakan aspek pencegahan melalui kaedah yang unik dan amat menarik. Contohnya, hukuman yang terdapat dalam Undang-Undang Islam seperti sebat dan rejam bagi penzina dilihat sebagai berat dan menggerunkan oleh sesetengah pihak. Ini menjadikan manusia takut untuk melakukan jenayah zina. Begitu juga dalam Islam terdapat hukum yang berbentuk pencegahan umpamanya pengharaman berdua-duaan bagi lelaki dan wanita bukan mahram bertujuan untuk mengelakkan perlakuan zina serta pengharaman arak untuk mengelakkan jenayah yang lebih besar seperti membunuh dan lain-lain. Konsep pencegahan begini tidak diambil berat oleh undang-undang jenayah sivil kerana ia lebih menumpukan pada aspek menghukum dan membalas.
- vi. Pensabitan kesalahan dalam Undang-Undang Jenayah Islam adalah sukar. Ia bukan untuk melepaskan pesalah tersebut tetapi Islam mementingkan keadilan kepada semua pihak. Contohnya, bagi menyabitkan kesalahan zina memerlukan empat saksi lelaki yang tidak fasik serta melihat secara jelas apa yang berlaku. Jika zina tidak dapat dibuktikan, mereka mungkin dikenakan hukuman takzir yang lebih ringan. Bahkah pada zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' Ar-Rasyidin, hukuman hudud seperti zina kebanyakannya disabitkan melalui ikrar atau pengakuan dan bukannya melalui empat orang saksi kesaksian.
- vii. Undang-Undang Jenayah Islam tidak dapat dipisahkan daripada konsep menyeru pada kebaikan dan mencegah perbuatan mungkar (*al-amr bil makruf wa al-nahyu anil munkar*). Konsep ini banyak membantu mengurangkan jenayah. Contohnya, ibadat solat yang disebut oleh Allah SWT sebagai ibadat yang dapat mencegah perbuatan mungkar. Ibadah puasa pula disebut oleh Rasulullah SAW sebagai amalan yang dapat mengekang hawa nafsu syahwat. Namun, bagi

Undang-Undang Sivil tiada penekanan untuk melakukan pencegahan sebelum berlakunya jenayah tersebut.

- viii. Konsep *al-amr bil makruf wa al-nahyu anil munkar* ini mengajak seluruh rakyat terutamanya umat Islam untuk bersama-sama membanteras jenayah. Kewujudan Badan Hisbah selaku badan rasmi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk melaksanakan konsep *al-amr bil makruf wa al-nahyu anil munkar* ini juga dapat membantu mengurangkan jenayah. Dengan cara ini, para penjenayah akan lebih berhati-hati dalam segala tindakan mereka. Konsep ini tidak wujud dalam Undang-Undang Jenayah Sivil. Pihak penguatkuasa seperti polis biasanya akan hanya mengambil tindakan selepas terdapat laporan berkaitan jenayah dibuat.
- ix. Syarat-syarat saksi dalam Undang-Undang Islam amat ketat berbanding undang-undang ciptaan manusia. Seseorang saksi mestilah adil iaitu tidak fasiik. Terdapat proses penapisan saksi yang disebut sebagai '*tazkiyah al-syuhud*'. Jika didapati saksi itu pernah melakukan dosa besar, selalu melakukan kejahatan serta mempunyai akhlak yang keji, maka kesaksiannya boleh dipertikaikan. Manakala dalam Undang-Undang Jenayah Sivil pula, soal akhlak dan perangai saksi tidak diambil kira dalam menentukan kesahihan keterangannya.
- x. Undang-Undang Jenayah Islam tidak membenarkan pemerintah menahan seseorang tanpa dibawa ke muka pengadilan dan didakwa menurut prosedur yang sah. Islam menjunjung tinggi konsep, "pada asalnya seseorang itu tidak bersalah" (*al-aslu bara'ah al-zimmah*). Jika seseorang itu dikatakan melakukan jenayah, maka perkara jenayah itu perlu dibuktikan oleh pendakwa di hadapan hakim di mahkamah sama ada melalui penyaksian ataupun pengakuan. Beban bukti terletak pada pendakwa. Jika tiada bukti bahawa tertuduh itu melakukan jenayah, maka tertuduh itu perlu

dilepaskan dan dibebaskan daripada tuduhan tersebut. Dalam Undang-Undang Jenayah Sivil, terdapat peruntukan yang membenarkan seseorang itu dipenjarakan tanpa bicara sehingga bertahun-tahun lamanya. Contohnya, undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Kesimpulannya, Undang-Undang Jenayah Islam lebih mengutamakan keadilan, pencegahan dan kesedaran bukan semata-mata untuk menghukum dan membalaq sahaja. Secara umumnya, Undang-Undang Jenayah Islam adalah lengkap untuk kehidupan manusia berbanding undang-undang jenayah ciptaan manusia yang bersifat sementara waktu sahaja dan untuk masa-masa tertentu. Oleh itu, sudah tiba masanya kita memulakan langkah untuk melaksanakan undang-undang Allah SWT memandangkan undang-undang jenayah ciptaan manusia ini telah jauh tersasar daripada objektif sebenar penciptaannya dan sebahagiannya pula bertentangan dengan Islam.

## BAB 4

### HUDUD

#### 1. PENGENALAN HUDUD

Hudud merupakan kata jamak daripada perkataan *hadd*<sup>4</sup> yang bermaksud larangan<sup>5</sup> dan *al-man'u* (penghalang).<sup>6</sup> Menurut istilah syarak, hudud ialah uqubah (hukuman seksa dunia) yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam Al-Qur'an serta ditetapkan oleh Nabi SAW melalui hadis Baginda<sup>7</sup>. Antaranya hadis riwayat Abu Hurairah RA, di mana Rasulullah SAW diriwayatkan telah bersabda dengan mafhumnya:

*"Allah SWT melaknat seorang pencuri yang mencuri sebuah topi baja lalu dipotong tangannya dan yang mencuri seutas tali lalu dipotong tangannya".*

(Hadis Riwayat Muslim)

- 
4. *Kitab Fiqh Mazhab Syafie*, Jilid 8, hlmn. 1831.
  5. *Sahih Fiqh Sunnah Lengkap*, Jilid 4, hlmn. 4.
  6. *Fiqh dan Perundungan Islam*, Jilid 5, hlmn. 3.
  7. Zaini Nasohah. (2008). Beberapa aspek mengenai hukuman jenayah dalam Islam. Dlm. Siti Zalikhah Md. Nor et al. *Al-Syariah: Fiqh Jenayah*, Jilid. 4, hlmn. 1-21.

Allah SWT juga telah berfirman:

سُورَةُ أَنْزَلْنَا وَفَرَضْنَا فِيهَا آءَيْتَ بَيْنَتٍ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

*"Ini satu surah yang Kami turunkan dan Kami wajibkan hukum-hukumnya, serta Kami turunkan padanya ayat-ayat keterangan yang nyata supaya kamu mengambil peringatan."*

(Surah An-Nur; 24 : 1)

Hudud ialah hukuman yang telah ditetapkan kadarnya oleh syarak. Hukuman ini tidak boleh ditambah atau dikurangkan. Kesalahan dalam jenayah hudud dianggap sebagai kesalahan terhadap hak Allah SWT kerana perbuatan itu menyentuh kepentingan masyarakat umum iaitu menjelaskan ketenteraman, kedamaian dan keselamatan orang ramai dan hukumannya pula memberi kebaikan dan pengajaran kepada mereka. Kesalahan ini tidak boleh diampunkan oleh manusia sama ada mangsa jenayah itu sendiri, warisnya ataupun masyarakat umum.

Hukuman hudud yang tertakluk di bawah kes jenayah syariah adalah untuk melaksanakan perundangan Islam yang diwahyukan Allah SWT melalui Al-Qur'an dan hadis. Hukuman hudud bukanlah untuk menyeksa seseorang atau menzalimi mereka tetapi mengandungi hikmah yang sangat besar. Namun demikian, ramai dalam kalangan kita yang kurang faham dan menyatakan bahawa hukuman hudud itu kejam dan tidak berperikemanusiaan serta melanggar hak asasi manusia. Allah SWT telah berfirman di dalam Al-Qur'an bahawa mereka yang melanggar hukuman hudud yang telah ditetapkan oleh Allah SWT adalah termasuk orang yang zalim. Firman Allah SWT:

وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُم الظَّالِمُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya:

*“...dan sesiapa yang melanggar hukum-hakam Allah SWT, maka mereka itulah orang yang zalim.”*

(Surah Al-Baqarah; 2 : 229)

## 2. JENIS- JENIS JENAYAH HUDUD

Terdapat tujuh kesalahan yang dikategorikan sebagai jenayah hudud iaitu:

Zina	<ul style="list-style-type: none"> <li>Persetubuhan haram tanpa nikah yang sah antara lelaki dengan perempuan dan bertentangan dengan hukum syarak.</li> </ul>
Menuduh Orang Berzina ( <i>Qazaf</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat tuduhan zina ke atas orang yang baik lagi suci atau menafikan keturumannya dan tuduhannya tidak dapat dibuktikan dengan empat orang saksi.</li> </ul>
Minum Arak	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meminum minuman yang memabukkan sama ada sedikit atau banyak, mabuk ataupun tidak yang boleh menghilangkan kewarasan akal.</li> </ul>
Mencuri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memindahkan secara sembunyi harta alih dari jagaan atau milik tuannya tanpa persetujuan tuannya dengan niat untuk menghilangkan harta itu dari jagaan atau milik tuannya.</li> </ul>
Murtad	<ul style="list-style-type: none"> <li>Orang yang keluar dari agama Islam, sama ada dengan perbuatan atau dengan perkataan, atau dengan iktikad kepercayaan.</li> </ul>
Merompak ( <i>Hirabah</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keluar seorang atau sekumpulan yang bertujuan untuk mengambil harta atau membunuh atau menakutkan orang lain dengan cara kekerasan.</li> </ul>
Penderhaka ( <i>Bughat</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>Segolongan umat Islam yang melawan atau menderhaka kepada pemerintah yang menjalankan syariat dan hukum-hukum Islam.</li> </ul>

## 2.1 Zina

Zina adalah salah satu daripada jenayah hudud. Mazhab Syafie mendefinisikan zina sebagai persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang haram baginya, sama ada kerana tiada sebarang akad perkahwinan atau akad syubhah atau sama ada tiada hak milik atau syubhat milik dan tahu bahawa perbuatan itu adalah haram<sup>8</sup>. Terdapat pelbagai definisi yang diberikan oleh ulama mazhab fiqh, tetapi mereka bersepakat menerima bahawa zina ialah persetubuhan haram yang dilakukan dengan sengaja tanpa nikah, atau syubhah nikah dan bukan hamba yang dimilikinya.

Ulama bersetuju bahawa terdapat dua unsur jenayah zina, iaitu:

- Persetubuhan dalam kemaluan wanita; dan
- Ia dilakukan dengan niat sengaja.

Persetubuhan yang dikira jenayah zina ialah persetubuhan yang berlaku pada kemaluan perempuan, iaitu kemaluan lelaki dimasukkan ke dalam kemaluan perempuan seperti keris dimasukkan ke dalam sarungnya. Perbuatan maksiat untuk memuaskan nafsu seperti bercumbu-cumbuan atau berkucupan tidak termasuk di dalam jenayah zina, tetapi merupakan perbuatan haram yang boleh dikenakan hukuman takzir, kerana ia merupakan mukadimah pada perbuatan zina. Allah SWT berfirman:

وَلَا تَقْرُبُوا الْرِّجَالَ إِنَّهُمْ كَانُوا فَحِشَّةً وَسَاءَ سَبِيلًا

---

8. Al Syirazi. (t.t Al Muhazzab Fi Fiqh Al-Imam Al-Syafie'). Al Muhazzab Fi Fiqh Al-Imam Al-Syafie', Dar Al Kutub Al-'Ilmiah, Beirut, Lubnan, Jilid 3, hlmn. 266.

Maksudnya:

*"Dan janganlah kamu menghampiri zina. Sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang buruk (yang membawa kerosakan)."*

(Surah Al-Isra'; 17 : 32)

Firman Allah SWT:

الْزَّانِيَةُ وَالْزَّانِي فَاجْلِدُوْا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةَ جَلْدٍ وَلَا  
 تَأْخُذْ كُمْ بِهِمَا رَفَعَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
 الْآخِرِ وَلَيَشْهَدْ عَدَاهُمَا طَبِيعَةٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١﴾

Maksudnya:

*"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah SWT, jika benar kamu beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan daripada orang-orang yang beriman."*

(Surah An-Nur; 24 : 2)

Terdapat tiga kaedah pensabitan jenayah zina:

- Pengakuan penzina sendiri dengan mengulang-ulangkannya sekurang-kurangnya empat kali. Disyaratkan pula dia membuat pengakuan tersebut dalam keadaan sedar dan siuman tanpa paksaan. Hukuman hudud tidak dilaksanakan ke atas pengaku jika dia menarik balik pengakuannya.

- b. Penyaksian empat orang saksi lelaki yang akil baligh dan adil (mempunyai integriti peribadi). Disyaratkan juga bahawa setiap saksi melihat perbuatan itu secara jelas tanpa sebarang kesamaran. Jika tidak, mereka dikenakan hukuman qazaf iaitu 80 kali sebatan.
- c. *Qarinah* atau bukti (*evidence*) yang meyakinkan seperti gadis yang didapati hamil atau; seorang perempuan yang bersuamikan kanak-kanak yang belum baligh didapati mengandung atau; seorang perempuan melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam masa tidak sampai enam bulan daripada tarikh pernikahannya (perempuan berkenaan).

## 2.2 Menuduh Orang Berzina (*Qazaf*)

*Qazaf* adalah satu daripada kesalahan jenayah hudud yang dinyatakan secara *qat'ie* (pasti) dan jelas oleh Al-Qur'an dan As-Sunnah. Ia merupakan satu jenayah khusus yang melibatkan penghinaan yang amat serius ke atas seseorang yang baik akhlaknya dengan tuduhan zina atau seumpamanya dan tuduhan anak luar nikah. Justeru, pembuktian untuk mensabitkan kesalahan jenayah ini amat ketat prosedurnya. Jika berlaku sebarang keraguan terhadap bukti maka hukuman asal boleh digugurkan berdasarkan sebuah hadis yang menjelaskan bahawa hukuman hudud gugur sekiranya wujud kesamaran bukti.

Ibn Juza Al-Maliki di dalam kitabnya, *Al-Qawaniin Al-Fiqhiyyah* mendefinisikan *qazaf* sebagai perbuatan menuduh melakukan persetubuhan haram pada qubul ataupun dubur, atau menafikan nasab (keturunan) sebelah bapa atau mempersendakan dengan perkara demikian.<sup>9</sup>

---

9. Dr. Mat Saad Abd. Rahman, 1993, *Undang-Undang Jenayah Islam: Jenayah Hudud*, Shah Alam: Penerbit Hizbi, hlmn. 79.

Berdasarkan takrifan-takrifan yang diberikan oleh ulama daripada pelbagai mazhab, *qazaf* ialah tuduhan ke atas seseorang yang baik akhlaknya dengan berzina atau menafikan keturunannya yang sah.

Tuduhan zina adalah tuduhan ke atas seseorang yang melakukan persetubuhan haram ke atas perempuan yang tidak ada hak baginya yang bertujuan untuk mengaib dan menghina pihak yang dituduh.

Fuqaha' yang membincangkan tentang kesalahan jenayah *qazaf* berdasarkan autoriti Al-Qur'an, hadis dan ijmak menjadikan ayat 4 daripada Surah An-Nur sebagai dalilnya. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةٍ شَهَدَاتٍ  
فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَنِينَ جَلْدًا وَلَا تَقْبِلُوا لَهُمْ شَهَدَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَسُقُونَ

Maksudnya:

*"Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebat dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik."*

(Surah An-Nur; 24 : 4)

Mereka yang membuat tuduhan zina yang palsu terhadap perempuan-perempuan yang suci dan baik akhlaknya, hendaklah dikenakan hukuman sebat sebanyak 80 kali. Kesaksian mereka tidak diterima selama-lamanya dan mereka tergolong sebagai

golongan fasik. Abu Hurairah ada meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda dengan mafhumnya:

*"Jauhilah tujuh perkara yang besar dosanya." Sahabat bertanya, 'Apa dia Ya Rasulullah SAW?' Katanya, 'Syirik kepada Allah SWT, sihir, membunuh orang yang diharamkan Allah kecuali dengan hak, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan perang dan menuduh perempuan yang baik dengan zina'."*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis tersebut menjelaskan bahawa antara kesalahan besar di sisi Allah SWT ialah perbuatan *qazaf* ke atas seseorang perempuan yang baik serta suci peribadinya, dan kesalahan ini meliputi *qazaf* terhadap lelaki dan perempuan. Ayat Al-Qur'an dan hadis tersebut sebagai dalil kesalahan *qazaf* serta diperkuatkan dengan ayat 23 daripada Surah An-Nur :

إِنَّ الَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ الْفَلِتِ الْمُؤْمِنَاتِ لَعْنُوا فِي  
الْأُدُنْيَا وَالآخِرَةِ وَهُنَّ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Maksudnya:

*"Sesungguhnya orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan yang terpelihara kehormatannya, yang tidak terlintas memikirkan sebarang kejahanatan, lagi yang beriman, akan dilaknat (oleh Allah) di dunia dan di akhirat dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang besar."*

(Surah An-Nur; 24 : 23)

Tuduhan zina boleh berlaku:

1. • Antara lelaki dengan lelaki.
2. • Antara perempuan dengan perempuan.
3. • Antara lelaki dengan perempuan.

### Kaedah Pensabitan Jenayah *Qazaf*

Terdapat tiga kaedah pensabitan jenayah zina iaitu:

#### a. Pengakuan (*Iqrar*)

Pengakuan ialah menyatakan sesuatu tindakan atau hak terhadap diri seseorang. Contoh: A membuat pengakuan di mahkamah di hadapan hakim, “*Saya mengakui bahawa saya yang melakukan jenayah zina.*” Jika pengakuan itu telah jelas difahami, mengikut Mazhab Syafie cukup dengan sekali pengakuan sahaja manakala menurut Mazhab Hanafi pula hendaklah dengan empat kali pengakuan seperti dalam kes zina. Pengakuan penjenayah merupakan bukti yang paling kuat untuk disabitkan jenayah. Ia berbeza dengan dakwaan dan tuduhan seperti seorang berkata: “*Saya disetubuh oleh si polan*” atau “*saya diliwat oleh si polan.*” Kenyataan ini berupa tuduhan dan dakwaan yang mesti dibuktikan dengan empat orang saksi, sebab ia bukan satu pengakuan tetapi satu tuduhan terhadap orang lain yang melakukan jenayah tersebut ke atas dirinya serta memerlukan bukti tentang kebenaran dakwaannya itu.

**b. Penyaksian (*Bayyinah*)**

Jenayah zina boleh disabitkan dengan penyaksian yang bilangan saksinya mestilah empat orang lelaki yang layak (*mukallaf*), adil serta mampu menjelaskan dengan betul dan tepat perlakuan jenayah yang disaksikannya dan kenyataan mereka semua adalah seragam dan tidak ada percanggahan antara satu dengan yang lain, sama ada dilakukan secara berasingan antara mereka (mengikut Mazhab Syafie) atau mereka melakukan secara serentak (mengikut Mazhab Hanafi). Berdasarkan keterangan dan pembuktian empat saksi lelaki itu, maka jenayah zina dapat disabitkan ke atas penjenayah. Jika pendakwa atau penuduh tidak dapat membuktikan dakwaan zina atau liwat itu dengan empat saksi maka, dia boleh dituduh melakukan jenayah *qazaf* disebabkan tidak cukup bukti ke atas yang dituduh untuk disabitkan.

**c. *Qarinah***

*Qarinah* maksudnya sesuatu tanda atau perkara yang diyakini ada kaitan langsung dengan sesuatu tindakan jenayah yang berlaku atau sesuatu yang dapat diambil kesimpulan daripadanya oleh hakim tentang berlakunya jenayah tersebut. Ia diambil kira sebagai satu saluran untuk mendapatkan kenyataan terhadap kesalahan jenayah ketika ketiadaan fakta-fakta atau bukti-bukti yang lain. *Qarinah* dijadikan sebagai bukti jenayah jika tidak terdapat bukti-bukti lain yang lebih kuat. Ia dijadikan bukti dalam jenayah hudud. Contohnya, perempuan yang tidak bersuami mengandung, maka bukti "mengandung" itu dianggap sebagai *qarinah* adanya persetubuhan haram. Begitu juga dengan bau arak di mulut sebagai *qarinah* untuk disabitkan kesalahan minum arak dan carik atau luka pada faraj perempuan menjadi *qarinah* berlakunya persetubuhan.

## 2.3 Minum Arak

### Dalil Pengharaman Arak

\* يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنِفِّقُونَ قُلِ الْعَفْوُ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لِكُمُ الْآيَتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya:

"Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya."

(Surah Al-Baqarah; 2 : 219)

Minum arak adalah satu kesalahan yang besar sepetimana yang diperingatkan oleh Allah SWT menerusi firmanNya:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَنِ فَآجِتَبِنُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١﴾

Maksudnya:

"Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan bertenburg nasib dengan anak-anak panah, adalah perkara keji yang termasuk perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya agar kamu berjaya."

(Surah Al-Maa' idah; 5 : 90)

Selanjutnya, daripada Abdullah Bin Amru RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda dengan mafhumnya:

*"Barang siapa yang minum arak kemudian dia mabuk maka tidak diterima solatnya 40 Subuh. Jika dia mati dia akan masuk neraka. Jika dia bertaubat maka Allah SWT mengampuninya, jika dia kembali meminum arak kemudian mabuk juga tidak diterima solatnya 40 Subuh. Jika mati dia akan masuk neraka dan jika dia bertaubat maka Allah SWT akan mengampuninya jika dia kembali melakukannya, maka pasti Allah SWT memberinya minum lumpur nanah pada hari kiamat. Kemudian ditanyakan kepada Rasulullah SAW: 'Apakah yang dimaksudkan dengan lumpur nanah wahai Rasulullah SAW?' Rasulullah SAW bersabda: 'Kotoran penduduk neraka'."*

(Hadis Riwayat Ahmad dan At-Tirmidzi)

Rasulullah SAW juga bersabda:

*"Setiap bahan yang memabukkan adalah haram."*

(Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Begitu juga Rasulullah SAW bersabda tentang setiap minuman yang memabukkan, sama ada sedikit atau banyak, hukumnya tetap sama, iaitu haram.

*"Apa yang bila banyaknya memabukkan, maka sedikit daripadanya juga adalah haram."*

(Hadis Riwayat Ahmad, Abu Daud, At-Tirmidzi, Ibnu Majah, Ibnu Hibban)

## Kaedah Pensabitan Jenayah Minum Arak

- a. Pengakuan peminumnya sendiri (dengan syarat yang cukup).
- b. Penyaksian oleh dua orang saksi lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan yang adil dan cukup syaratnya.
- c. Pembuktian melalui tanda-tanda tertentu (*qarinah*) seperti bau arak dan berkeadaan mabuk.

## Hikmah Pengharaman

Pengharaman arak telah disyariatkan dan hukuman berat ke atas peminum-peminumnya telah ditetapkan dalam nas Al-Qur'an dan As-Sunnah. Ini kerana arak itu terbukti mendatangkan pelbagai mudarat bukan sahaja kepada peminumnya, bahkan juga kepada masyarakat di sekelilingnya. Arak juga memberi kesan yang serius dari aspek budaya, sosial, psikologi dan seterusnya membawa kesan yang buruk kepada agama dan negara. Antara kemudaratan yang timbul daripada minum arak ialah:

- a. Melemahkan akal fikiran dan menghilangkan kewarasan akal**

Peminum arak akan hilang pertimbangan akal dan secara tidak sedar dia akan membuka rahsia keburukan dirinya sendiri kepada orang lain. Apabila seseorang itu sedang mabuk, akalnya tidak dapat menghalang dirinya daripada mengeluarkan kata-kata atau perbuatan yang menyakiti orang lain.

- b. Membahayakan kesihatan**

Berdasarkan kajian ilmiah, arak menjadi punca pada bermacam-macam penyakit seperti sakit jantung, radang paru-paru, batuk kering, barah hati dan melemahkan sistem pertahanan badan.

Kesan arak terhadap kesihatan telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya yang bermaksud:

*"Bahawasanya arak itu bukan ubat tetapi adalah sebagai pembawa penyakit."*

(Hadis Riwayat Muslim)

c. **Membazirkan wang**

Pengambilan arak juga akan menyebabkan ketagihan sehingga peminumnya sanggup membelanjakan jumlah wang yang banyak untuk mendapatkannya. Di sini berlaku pembaziran serta pemborosan wang dan harta benda sehingga mengabaikan tanggungjawab yang lain.

d. **Menjadi punca kepada kejahatan dan kemaksiatan**

Arak adalah punca segala kejahatan kerana apabila seseorang itu mabuk, maka dia akan melakukan kejahatan sama ada dari segi percakapan atau perbuatannya tanpa menyedari akibatnya. Peminum arak tidak mengendahkan tuntutan agamanya dan tidak mempedulikan larangan-larangan syarak.

e. **Membahayakan diri sendiri dan orang lain**

Dalam hal ini, seseorang yang mabuk tidak dapat menghalang dirinya daripada mengeluarkan kata-kata atau melakukan perbuatan yang boleh menyakiti dirinya atau orang lain sehingga boleh berlaku pergaduhan dan pembunuhan. Arak juga boleh menyebabkan permusuhan dan perpecahan dalam masyarakat. Ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَنُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ  
وَالْغُصَّاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنِ ذِكْرِ  
اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْهَوْنَ

Maksudnya:

*“Sesungguhnya syaitan menghendaki supaya berlaku permusuhan dan kebencian di antara kamu disebabkan oleh arak dan judi.”*

(Surah Al-Maa' idah; 5 : 91)

#### 2.4 Mencuri

Jenayah curi dalam bahasa Arab adalah *sariqah*. *Sariqah* bermaksud mengambil sesuatu secara sulit dan menurut syarak, ia bermaksud mengambil harta orang lain secara sulit tanpa sebarang hak dari tempat simpanannya dengan syarat-syarat tertentu.<sup>10</sup>

Curi adalah salah satu daripada dosa-dosa besar dan hukuman potong tangan ke atas si pencuri adalah diwajibkan. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقةُ فَاقْطُعُوا أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَلًا مِنْ

اللَّهِ وَاللَّهُ أَعْلَمُ حَكِيمٌ

10. Terjemahan Surah Al-Ma' aidah (5 : 38) oleh *Tafsir As-Sa'di*: hlmn. 281.

Maksudnya:

*"Dan lelaki yang mencuri dan wanita yang mencuri, maka potonglah (pergelangan) tangan (kanan) mereka sebagai satu pembalasan terhadap apa yang mereka telah kerjakan, dan sebagai seksaan daripada Allah SWT. Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."*

(Surah Al-Maa''idah; 5 : 38)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Tidak dipotong tangan seseorang pencuri itu kecuali seperempat dinar atau lebih daripada nilai wang emas."*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

*Sariqah* atau jenayah curi menurut Undang-Undang Islam menekankan dua komponen iaitu pencuri dan barang yang dicuri. Islam meletakkan *sariqah* sebagai salah satu jenayah yang dikenakan hukuman hudud. Oleh itu, syarat-syarat untuk menyabitkan seseorang yang melakukan jenayah curi ini adalah ketat.

Syarat-syarat untuk mensabitkan seseorang yang melakukan jenayah curi adalah; (i) orang yang melakukan jenayah curi mestilah telah baligh, berakal,<sup>11</sup> tidak dipaksa melakukan jenayah curi, (ii) harta yang dicuri mestilah mencecah kadar yang ditetapkan iaitu sebanyak satu per empat dinar yang bersamaan 1.06 gram, (iii) harta yang dicuri dari tempat simpanan yang sesuai, (iv) harta bukan milik atau milik bersama pencuri, (v) si

---

11. Riwayat Ahmad, Ashabi, Sunah dan Hakam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, "Allah tidak akan menyiksa tiga golongan manusia iaitu orang yang tidur hingga ia bangun dari tidurnya, kanak-kanak hingga ia baligh dan orang gila hingga ia berakal."

pencuri sedar bahawa mencuri adalah haram dan, (vi) harta yang dicuri mestilah suci dan bukannya najis.

Merujuk pada pelaksanaan hukuman hudud untuk kesalahan mencuri, sesiapa yang melakukan kesalahan mencuri wajib dikenakan hukuman hudud sebagaimana yang dikehendaki oleh hukum syarak, iaitu dipotong tangannya.

Pensabitan jenayah curi adalah melalui ikrar (pengakuan), keterangan dua orang saksi lelaki yang adil atau sumpah yang *mardud*.

## 2.5 Murtad

Murtad merujuk pada tindakan seseorang yang keluar daripada agama Islam. Murtad dan kufur boleh dikategorikan melalui salah satu berikut:

### a. Melalui iktikad (Kepercayaan)

Seseorang itu boleh murtad jika dia mempercayai kepercayaan-kepercayaan yang bertentangan dengan akidah Islam seperti berhasrat untuk kafir atau ragu-ragu dengan kebenaran Al-Qur'an dan keyakinan-keyakinan lain serta iktikad yang salah.

Namun, kepercayaan yang terdetik di hati semata-mata tidak boleh menghukum seseorang itu murtad jika tidak dilahirkan dengan percakapan atau perbuatan. Hal ini berdasarkan sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Allah SWT mengampunkan umatku daripada perkara yang tersemat dalam hati sanubari selagi tidak (disertakan) dengan perbuatan atau perkataan."*

(Hadis Riwayat An-Nasa'i)

**b. Melalui kata-kata dan ucapan**

Perkataan atau ucapan boleh menyebabkan seseorang itu menjadi murtad. Apabila seseorang mengeluarkan kata-kata yang menunjukkan kepada kekufturan seperti mengingkari wujudnya Allah SWT atau menghina Nabi Muhammad SAW, mengatakan sesetengah hukum Islam tidak kekal dan kenyataan-kenyataan lain yang menyebabkan individu yang membuat kenyataan-kenyataan seperti itu boleh menjadi murtad atau kafir.

**c. Melalui perbuatan**

Seseorang itu boleh terkeluar daripada Islam apabila ia melakukan perkara-perkara yang diharamkan oleh Islam di samping mengharuskannya sama ada melakukan perkara tersebut dengan sengaja ataupun dengan tujuan menghina Islam. Contohnya, seseorang yang memijak Al-Qur'an, menyembah berhala, melakukan zina dengan kepercayaan bahawa perbuatan itu tidak diharamkan dan sebagainya.

Begitu juga melakukan sesuatu yang telah diketahui oleh kaum Muslimin akan pengharamannya seperti seperti haramnya daging babi dan arak, maka perbuatan seperti itu tidak syak lagi boleh menyebabkan kufur atau murtad.

**Tanda-tanda Zahir Murtad**

- a. Mencaci Nabi Muhammad SAW atau mempersendakan Baginda seperti yang dilakukan oleh musuh Islam yang menuduh Nabi Muhammad SAW kuat nafsu seks.
- b. Mengingkari larangan Islam yang telah ditetapkan oleh Islam seperti mengingkari pengharaman arak dan riba.

- c. Mengingkari perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh Islam seperti solat lima waktu.
- d. Mengingkari perkara yang telah disabitkan dengan dalil seperti mengingkari Al-Qur'an sebagai kalam Allah SWT.
- e. Mengingkari perkara-perkara yang telah diwajibkan oleh Islam seperti mengingkari kewajiban berpuasa dan mengeluarkan zakat.
- f. Mengingkari perkara-perkara yang telah diharamkan oleh Islam secara *qat'ie* seperti mengingkari pengharaman zina dan riba.

Rasulullah SAW bersabda dengan mafhumnya:

*"Tidak halal darah (nyawa) seseorang Muslim yang mengucap bahawa tiada Tuhan selain Allah SWT dan bahawa aku Rasulullah SAW melainkan salah satu daripada tiga iaitu membunuh jiwa, janda atau duda yang melakukan zina dan orang yang meninggalkan agama, keluar dari jemaah Islam."*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

## 2.6 Merompak

Jenayah merompak dalam Undang-Undang Jenayah Islam dipanggil *hirabah*. *Hirabah* dalam istilah syarak membawa maksud serangan dengan tujuan merampas harta, membunuh atau menakutkan secara terang-terangan serta angkuh dan menggunakan kekuatan di kawasan-kawasan yang terpencil daripada bantuan. Ia dilakukan oleh mukalaf yang tertakluk pada undang-undang, termasuk ahli zimmi dan orang yang murtad.

Terdapat empat kategori penjenayah *hirabah* iaitu:

1.

Membunuh  
dan  
merompak

2.

Membunuh  
tetapi tidak  
merompak  
harta

3.

Merompak  
dan tidak  
mengancam  
nyawa

4.

Menakut-  
nakutkan  
orang ramai  
tanpa  
mengancam  
nyawa atau  
merompak  
harta

## 2.7 Menderhaka (*Bughah*)

Pengertian *al-bughah* dari segi bahasa bermaksud pelampau atau melampaui batas. Manakala dari segi istilah pula bererti satu kumpulan orang Islam yang menentang pemimpin Muslimin, melakukan pemberontakan terhadap pemerintahannya serta enggan mematuhi peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pemerintah sama ada yang berkaitan dengan hak Allah SWT atau hak manusia.

Dalam istilah biasa mereka dikenali sebagai pemberontak. Mereka mempunyai dasar dan undang-undang mereka sendiri, organisasi dan pentadbiran sendiri serta memiliki kekuatan pertahanan, tentera dan senjata untuk melaksanakan pemberontakan. Contohnya, Al-Khawarij dan Al-Haruriyah yang menentang Khalifah Ali RA.

## Elemen-elemen Kesalahan Memberontak

- 1. • Perbuatan menderhaka
- 2. • Penggunaan kekuatan dan kekerasan
- 3. • Niat memberontak

### a. Perbuatan Menderhaka

- i. Perbuatan menderhaka bermaksud menentang pemerintah atau berusaha menggulingkannya, tidak mematuhi perintahnya atau undang-undang yang dikuatkuasakannya dan tidak melaksanakan kewajipan-kewajipan yang tidak dianggap maksiat.
- ii. Pemberontakan itu ditujukan kepada pemerintah Islam yang adil yang tidak sepatutnya ditentang atau digulingkan, malah pemberontakan terhadap pemerintah yang fasik pun diharamkan oleh Islam walaupun dengan tujuan untuk melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*. Ini disebabkan pemberontakan itu akan memberi kesan yang lebih buruk dan tidak memungkinkan matlamat *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* tercapai.

### b. Penggunaan Kekuatan dan Kekerasan

Penggunaan kekuatan dan kekerasan bermaksud bahawa pemberontak mempunyai kekuatan pertahanan mereka sendiri serta mempunyai senjata dan tentera yang dapat melakukan tindakan yang boleh mengganggu ketenteraman negara serta mencetuskan kekacauan dan huru-hara.

### c. Niat Memberontak

Niat yang dimaksudkan di sini ialah untuk melakukan pemberontakan dan penentangan terhadap pemerintah dan bertujuan untuk menggulingkan atau tidak mahu tunduk pada perintahnya serta enggan melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab mengikut undang-undang dan peraturan yang ditentukan oleh pemerintah.

## BAB 5

# HUKUMAN BAGI JENAYAH-JENAYAH HUDUD

### 1. HUKUMAN KE ATAS PENZINA

Hukuman bagi pesalah zina terbahagi pada dua iaitu; hukuman terhadap pesalah yang telah berkahwin (*muhsan*) dan pesalah yang belum berkahwin (*ghayr muhsan*). Hukuman bagi penzina yang belum berkahwin telah disebut di dalam Al-Qur'an, firman Allah SWT:

سُورَةُ أَنْزَلْنَاهَا وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا ءَايَتٍ بَيْنَتٍ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١﴾ آلَرَّانِيَةُ وَالْزَّانِي فَاجْلِدُو أَكُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةً جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذُكُمْ بِمَا رَأَفْتُمُ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَآلَيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَشْهَدَ عَذَابَهُمَا طَآئِفَةٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

Maksudnya:

"Ini ialah satu surah yang Kami turunkan dan Kami wajibkan hukum-hukumnya, serta Kami turunkan padanya ayat-ayat keterangan yang nyata supaya kamu beringat (mengamalkannya). Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan

*janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah SWT, jika benar kamu beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.”*

(Surah An-Nur; 24 : 1-2)


Terdapat beberapa hadis yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW telah menjatuhkan hukuman rejam kepada orang yang mengaku berzina.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Bin Ibi Malika beliau memberitahu bahawa seorang perempuan telah berjumpa Nabi SAW dan mengaku berzina sedang ia dalam keadaan hamil, Nabi SAW bersabda kepadanya; “*Pergilah kamu hingga kamu melahirkan anak.*” Apabila sudah bersalin dia datang lagi berjumpa Nabi SAW. Nabi SAW bersabda; “*Pergilah kamu sehingga kamu selesai menyusukan anak.*” Setelah menyusukan anaknya dia datang lagi berjumpa Rasulullah SAW dan Nabi SAW bersabda; “*Pergilah dan carilah orang yang dapat menjaganya.*” Dan setelah ada yang menjaganya, Nabi SAW memerintahkan supaya perempuan tersebut dikenakan hukuman rejam dan perempuan itu pun direjam.

(Hadis Riwayat Malik)

Rasulullah SAW turut menjatuhkan hukuman rejam kepada seorang Yahudi yang berzina.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Bin Umar, dia berkata bahawa orang-orang Yahudi datang berjumpa Rasulullah SAW dan mereka berkata, “*Ada seorang lelaki dan perempuan telah berzina.*” Nabi SAW bertanya kepada mereka: “*Adakah kamu tidak menjumpai hukuman rejam dalam Taurat?*” Mereka menjawab: “*Kami hanya memalukan dan merotan mereka.*”



Abdullah Bin Salam berkata; "Mereka bohong kerana dalam kitab Taurat ada hukuman rejam." Mereka membawa kitab Taurat dan membukanya tetapi salah seorang daripada mereka meletakkan tangan di tempat yang terdapat padanya ayat rejam. Abdullah Bin Salam meminta supaya Yahudi berkenaan mengangkat tangan dan didapati di dalamnya terdapat ayat berkenaan hukuman rejam. Mereka berkata, "Benar ya Rasulullah SAW, dalam kitab Taurat ada ayat rejam." Maka Nabi SAW memerintahkan kedua-dua penzina itu dihukum rejam.

Terdapat juga hadis berkenaan penghakiman Rasulullah SAW terhadap penzina yang belum berkahwin.

Daripada Abu Hurairah dan Zaid Bin Sabit Al-Juhaini, mereka berdua memberitahu Nabi SAW bahawa dua orang lelaki bertengkar di hadapan Rasulullah SAW yang mana salah seorang daripada mereka berkata, "Ya Rasulullah SAW! Hukumkanlah aku dengan kitab Allah SWT!" Seorang lagi yang lebih tahu berkata, "Ya benar, Rasulullah SAW. Hukumkan aku dengan kitab Allah SWT. Izinkan aku bercakap." Nabi bersabda: "Cakaplah." Lalu beliau berkata, "Anak lelakiku bekerja dengan lelaki ini dan berzina dengan isterinya. Dia memberitahu aku bahawa anak aku dikenakan hukuman rejam lalu aku membayar fidyah sebanyak seratus ekor kambing dan membebaskan hamba perempuan. Kemudian aku bertanya kepada orang yang berilmu. Mereka memberitahuku bahawa anakku perlu dikenakan sebat 100 kali dan dibuang daerah selama setahun, manakala hukuman rejam pula dikenakan ke atas isterinya." Rasulullah SAW bersabda, "Demi Allah SWT dan diriku di bawah kuasaNya, sesungguhnya aku akan jatuhi hukuman kepada kamu berdua dengan kitab Allah SWT. Adapun kambing kamu dan hambamu dipulangkan kepadamu." Kemudian Nabi Muhammad SAW menyuruh Anas Al-Aslami pergi berjumpa dengan isteri lelaki itu, dan Nabi berkata; "Jika dia mengaku rejamlah dia." Lalu isteri lelaki tersebut mengaku dan Nabi SAW pun menjatuhkan hukuman rejam ke atasnya.

(Hadis Riwayat Imam Malik)

## 2. HUKUMAN KE ATAS PENUDUH ZINA (QAZAF)

Hukuman bagi kesalahan *qazaf* dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT menerusi firmanNya:


وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةٍ شُهَدَاءَ  
فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَنِينَ جَلْدًا وَلَا تَقْبِلُوا لَهُمْ شَهَدَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ  
هُمُ الْفَسِقُونَ

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebat dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik."

(Surah An-Nur; 24 : 4)

Kesalahan *qazaf* boleh menyebabkan hukuman sebat sebanyak 80 kali dikenakan ke atas pesalahnya. Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh An-Nasa'i, hukuman ini telah dilaksanakan oleh Baginda SAW kepada pesalah-pesalah dalam kes fitnah terhadap isterinya, 'Aisyah RA yang telah dituduh melakukan perbuatan curang dengan lelaki sesudah tamat peperangan Bani Mustaliq. Ketiga-tiga pesalah berkenaan, Hassan Bin Thabit, Mistah Bin Uthathah dan Hamnah Binti Jahsh dikenakan sebatan *hadd qazaf* oleh Baginda SAW.



### 3. HUKUMAN KE ATAS PEMINUM ARAK

Larangan meminum arak ada disebutkan di dalam Al-Qur'an (menerusi Surah Al-Maa'idah; 5 : 90-91). Kesalahan ini mengakibatkan hukuman sebat ke atas pesalah sebanyak 40 kali. Pelaksanaan hukuman ke atas peminum arak ini terkandung dalam hadis riwayat Ahmad, Muslim dan Abu Daud sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW terhadap seorang lelaki yang sabit kesalahannya, lalu Baginda menyebatnya sebanyak 40 kali dengan dua pelepas tamar.

Namun begitu, pada zaman Khalifah Umar Bin Al-Khattab, beliau menambahkan 40 sebatan lagi, berdasarkan ijtihadnya, menjadikan bilangannya sebanyak 80 sebatan, tanpa mendapat bangkangan daripada para sahabat pada waktu itu. Ini menjadikan pembalasan 80 sebatan itu sebagai ijmak para sahabat. Dalam hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Ali Bin Abi Talib RA yang bermaksud:

*"Rasulullah SAW telah melaksanakan hukuman sebat bagi peminum arak sebanyak 40 kali sebatan, manakala Sayidina Abu Bakar pula telah menyebat sebanyak 40 kali sebatan juga, dan pada zaman pemerintahan Khalifah Umar, peminum arak disebat sebanyak 80 kali sebatan. Kesemuanya sunnah Rasulullah SAW tetapi yang dibuat oleh Sayidina Umar tadi lebih aku sukai."*

(Hadis Riwayat Muslim)

### 4. HUKUMAN KE ATAS PENCURI

Kesalahan mencuri, jika sabit kesalahan boleh menyebabkan pesalah dikenakan pembalasan *hadd* potong tangan kanan dari pergelangannya. Ini jelas dinyatakan di dalam firman Allah SWT:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطُعُوا أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَلًا مِنْ

اللهُ وَاللهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ


Maksudnya:

"Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegahan daripada Allah SWT dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

(Surah Al-Maa'idah; 5 : 38)

Beberapa kes yang menunjukkan Baginda telah melaksanakan pembalasan *hadd* potong tangan ke atas pesalah adalah dalam beberapa kes kecurian seperti kecurian barang Safwan Bin Umayyah, jubah seorang wanita, perisai besi, topi besi dan barang pinjaman oleh seorang perempuan suku Makhzumiyyah yang bernama Fatimah Binti Al-Asad, juga termasuk kes-kes lain yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari.

Bagi pencuri yang mencuri pada kali yang pertama akan dikenakan *hadd* potong tangan kanan hingga pergelangan tangan manakala pencuri yang mencuri pada kali yang kedua pula akan dipotong kaki kiri hingga buku lali. Bagi pencuri yang mencuri pada kali yang ketiga akan dipotong tangan kiri hingga pergelangan tangan dan dipotong kaki kanan hingga buku lali jika pencuri mencuri untuk kali yang keempat. Jika pencuri itu mencuri untuk kali yang kelima dan seterusnya akan dikenakan takzir atau dipenjarakan sehingga bertaubat.



## Gugur Hukuman Potong Tangan

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa keadaan di mana hukuman itu tidak dapat dilaksanakan atau ia gugur sebelum ia dilaksanakan. Antara halangan-halangan tersebut ialah:

- a. Tuan barang menafikan orang yang dituduh mencuri hartanya atau menafikan keterangan saksi-saksi.
- b. Pencuri menarik balik pengakuan, sedangkan pertuduhan ke atasnya dibuat tanpa bukti, hanya bersandarkan pada pengakuannya semata-mata.
- c. Pencuri mengakui bahawa barang yang dicuri adalah miliknya dengan bukti yang sah yang dapat diterima kesahihannya.

## 5. HUKUMAN KE ATAS PEROMPIAK

Hukuman bagi jenayah ini adalah berbeza mengikut kategori. Bagi mereka yang membunuh dan merompak akan dihukum bunuh dan kemudian disalib selama tiga hari di tempat yang tinggi seperti kayu dan sebagainya.

Bagi mereka yang merompak sahaja akan dihukum potong tangan dan kaki secara bersilang. Maksudnya, tangan kanannya akan dipotong pada bahagian pergelangan tangan dan kaki kirinya akan dipotong pada pergelangan kaki. Sekiranya berulang, tangan kiri dan kaki kanannya akan dipotong. Namun begitu, jumlah harta yang dirompak mestilah mencecah kadar yang ditetapkan dalam kesalahan mencuri iaitu suku dinar (bersamaan 1.05 gram) atau lebih, atau yang sama nilai dengannya. Sekiranya harta yang dirompak tidak mencecah jumlah tersebut, hakim boleh mengenakan hukuman takzir yang sesuai.

Apabila perompak hanya melakukan pembunuhan terhadap mangsanya tanpa mengambil harta bendanya, dia akan dibunuh sahaja tanpa disalib.


Jika perompak hanya menakut-nakutkan tanpa merompak dan membunuh, dia akan dihukum mengikut hukuman takzir seperti dibuang negeri, penjara atau sebagainya. Hukuman ini bergantung kepada pemerintah dan tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi hukuman penjara. Malah, pemerintah boleh memberi pengampunan jika perlu. Hukuman ini dinyatakan dengan jelas di dalam Surah Al-Maa''idah, ayat 33:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ تُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ  
 فَسَادًا أَن يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلْبُوا أَوْ تُقْطَعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ  
 خَلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لِهُمْ حِزْبٌ فِي الدُّنْيَا  
 وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Maksudnya:

"Hukuman bagi orang-orang yang memerangi Allah SWT dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas) atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka berselang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar."

(Surah Al-Maa' idah; 5 : 33)



Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abd Al-Razzaq, hukuman tersebut pernah Baginda SAW laksanakan dalam kes sekumpulan orang dari 'Ukl dan 'Urainah yang datang ke kota Madinah, mengisyiharkan pengIslam mereka. Namun begitu, apabila mereka berada di luar kota itu iaitu di sebuah kawasan bernama Al-Harrah, mereka mengisyiharkan keluar dari agama Islam dan menjadi murtad, merampas unta-unta Baginda SAW serta membunuh kesemua pengembalanya. Baginda SAW bertindak mengerat tangan dan kaki, membutakan mata dan membiarkan mereka dalam keadaan sebegini sehingga mereka mati di kawasan itu. Tindakan Baginda SAW ini berlaku sebelum turunnya ayat 33 daripada Surah Al-Maa'idah yang berkaitan dengan hukuman ke atas jenayah merompak.

## 6. HUKUMAN KE ATAS ORANG YANG MURTAD

Murtad berlaku apabila seseorang itu keluar daripada Islam sama ada secara perbuatan mahupun perkataan. Hukuman bagi kesalahan ini ialah hukuman mati berdasarkan hadis *qauli* dan tindakan Baginda SAW terhadap sekumpulan orang dari 'Ukl dan 'Urainah dan kes Abu Musa Al-Ash'ari yang membunuh seorang Yahudi kerana murtad di Yaman pada zaman Rasulullah SAW serta disaksikan oleh Mu'az Bin Jabal.

(Hadis Riwayat Al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan An-Nasa'i)

Hukuman sampingan bagi kesalahan murtad:

- Seseorang yang murtad dan enggan bertaubat, semua hartanya dirampas dan diletakkan di bawah pentadbiran pemerintah. Penyaraan dirinya diambil daripada harta tersebut mengikut keperluan. Harta itu tetap menjadi miliknya dan akan dikembalikan apabila ia bertaubat. Sekiranya dia meninggal dunia, maka hilanglah hak tersebut dari tarikh dia murtad.

- b. Segala bentuk urusan dan perjanjian seperti jual beli, pemberian, gadaian dan seumpamanya terbatal kerana murtad membatalkan haknya untuk urusan-urusan tersebut.
- c. Kehilangan hak perwarisan antara dia dan waris-warisnya,

*"Tidak boleh seorang Muslim mewariskannya (pusaka) kepada orang kafir dan tidak boleh seorang kafir mewariskannya (pusaka) kepada orang Islam."*


(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

- d. Hubungan suami isteri terpisah. Akad perkahwinan digantung sementara sehingga dia bertaubat dan kembali kepada Islam dalam tempoh iddah. Sekiranya dia bertaubat dan kembali kepada Islam selepas iddah, dia hendaklah melakukan akad nikah dengan mahar yang baharu.

Walau bagaimanapun, orang yang murtad itu tidak boleh terus dihukum bunuh melainkan setelah diminta bertaubat terlebih dahulu. Pesalah hendaklah disedarkan akan kesalahannya serta diberi peringatan dan amaran kepadanya akan bahaya atau akibat buruk jika dia tidak mahu bertaubat malah terus murtad iaitu hukuman bunuh akan dikenakan ke atasnya. Jika pesalah tetap juga tidak mahu kembali kepada Islam, maka hukuman bunuh hendaklah dijatuhkan ke atasnya.

Setelah orang yang murtad menjalani hukuman bunuh, maka perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi:

- a. Haram dimandikan, dikafarkan dan solat ke atasnya kerana ia telah dihukum kafir.
- b. Tidak boleh ditanam di perkuburan Islam malah hendaklah ditanam jauh dari tanah perkuburan Islam.
- c. Tiada seorang pun warisnya yang boleh mempusakai



hartanya kerana telah terputus hubungan keIslamam dan haknya terhadap harta-harta tersebut telah gugur.

## 7. HUKUMAN KE ATAS PEMBERONTAK

Jenayah ini dikuatkuasakan terhadap penjenayah yang menentang pemerintah yang adil. Firman Allah SWT:

وَإِنْ طَآءِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَقْتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَعْدَ  
 إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا أَلَّا تَبْغِي حَتَّىٰ تَفِيءَ إِلَىٰ أَمْرِ  
 اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ  
 الْمُقْسِطِينَ

Maksudnya:

*"Dan jika dua pihak daripada orang beriman berperang, maka damaikanlah antara keduanya. Tetapi jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka perangilah puak yang zalim itu sehingga dia kembali mematuhi perintah Allah SWT. Jika dia kembali patuh maka damaikanlah antara kedua-duanya dengan adil (menurut hukum Allah SWT), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara). Sesungguhnya Allah SWT mencintai orang-orang yang berlaku adil."*

(Surah Al-Hujuraat; 49 : 9)

Dalam konteks ini, Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

*"Sesiapa yang datang kepada kamu dan memerintah seorang lelaki supaya melemahkan kekuatan kamu dan jamaah kamu, bunuhlah mereka."*

(Hadis Riwayat Muslim)

Dalil Al-Qur'an dan hadis tersebut menetapkan hukuman bunuh ke atas pesalah-pesalah yang menentang pemerintah yang adil.

## BAB 6

# PERBANDINGAN PELAKSANAAN HUDUD DI NEGARA-NEGARA ISLAM

### 1. MALAYSIA

Penghayatan Undang-Undang Islam (termasuk hudud) mula terserlah apabila Sultan Melaka, Sultan Iskandar Shah menerima Islam dan menjadikan Undang-Undang Islam sebagai Undang-Undang Negeri di samping Undang-Undang Adat.

*Kanun Melaka* dan *Kanun Laut Melaka* yang digubal sekitar tahun 1444 Masihi meliputi jenayah hudud, qisas dan takzir. Mencuri hukumannya adalah potong tangan (*Fasal 7:2*), jenayah zina *muhsan* hukumnya rejam manakala zina oleh *ghayr muhsan* pula hukumannya adalah sebatan 100 kali (*Fasal 12:2*), jenayah *qazaf* hukumannya sebatan 80 kali (*Fasal 12:3*), jenayah minum arak hukumannya sebatan 40 kali (*Fasal 42*), jenayah membunuh hukumannya dibunuh balas (*Fasal 43*), jenayah menderhaka kepada pemerintah hukumannya dibunuh (*Fasal 5:42*) dan jenayah murtad hukumannya dibunuh (*Fasal 36:1*). Jenayah qisas diperuntukkan di dalam *Fasal 8:3*, *Fasal 17:1* dan *Fasal 8:4* manakala jenayah *takzir* pula di dalam *Fasal 8:3*.

*Kanun Melaka* telah mempengaruhi beberapa buah negeri lain selepas Melaka meluaskan pemerintahannya. Pengaruhnya

dapat dilihat dalam *Kanun Pahang*,<sup>12</sup> *Kanun Johor*, *Kanun Kedah*, *Perlembagaan Terengganu* dan *Perlembagaan Negeri Johor*.

Pada zaman penjajahan kolonial Belanda, Portugis dan Inggeris, orang Melayu masih mengamalkan Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Adat. Apabila British datang, beberapa perjanjian telah diadakan oleh mereka dengan beberapa negeri iaitu; Pulau Pinang (1786), Singapura (1819) dan Melaka (1824). Kemudian British meluaskan pengaruhnya ke Negeri-Negeri Melayu yang lain. Bermula dengan Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 di antara orang Inggeris dan Sultan Perak yang bersetuju menerima Residen Inggeris selaku penasihat sultan dalam pemerintahan dan pentadbiran kecuali dalam perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu, diikuti oleh kesemua negeri di Tanah Melayu.

Bagi membolehkan British mengguna pakai Undang-Undang British di Tanah Melayu, British memperkenalkan Piagam Keadilan Pertama (1807) di Pulau Pinang bagi membolehkan penubuhan mahkamah di mana Undang-Undang Inggeris boleh dikuatkuasakan. Ini diikuti dengan Piagam Keadilan Kedua (1826) dan Piagam Keadilan Ketiga (1855). Pada tahun 1902 dan 1905, *Kanun Acara Jenayah* dan *Keseksaan Inggeris* diperkenalkan. Penguatkuasaan Undang-Undang Inggeris melalui penggubalan Undang-Undang Jenayah tersebut memperuntukkan bahawa kesalahan-kesalahan jenayah tidak lagi mengikut Undang-Undang Islam.

Pengaruh Inggeris juga membawa pada terhadnya kuasa mahkamah syariah negeri-negeri. Dua cara yang digunakan

---

12. Terdapat satu kes pembunuhan di Pahang yang berlaku pada tahun 1888. Seorang Cina bernama Go Hui telah dibunuh dan Sultan Ahmad memerintahkan supaya kes itu dibicarakan mengikut Undang-Undang Pahang yang berteraskan Islam.

untuk menyerapkan Undang-Undang Inggeris iaitu melalui cara perundangan dan keputusan hakim. Berdasarkan pada nasihat Residen Inggeris, beberapa undang-undang bertulis dari India telah diikuti oleh Negeri-Negeri Melayu seperti *Penal Code*, *Evidence Ordinance* dan *Contract Ordinance*. Perkembangan Undang-Undang Inggeris yang berlaku berterusan sehingga mengakibatkan Undang-Undang Islam semakin terhad pada bidang keluarga, keagamaan, akhlak dan undang-undang diri sahaja.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, kuasa melibatkan Undang-Undang Islam diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai Negeri. Berdasarkan peruntukan ini, beberapa enakmen<sup>13</sup> yang telah sedia ada pada zaman pemerintahan British diterima, namun enakmen-enakmen tersebut lebih menekankan aspek pentadbiran dan organisasi daripada aspek undang-undang.

Berhubung dengan kesalahan jenayah syariah, di dalam enakmen-enakmen tersebut hanya menggariskan kesalahan-kesalahan takzir sahaja, seperti meninggalkan Solat Jumaat, makan di siang hari dalam bulan Ramadan, berkhalwat dan sebagainya. Enakmen tersebut tidak mengandungi peruntukan mengenai undang-undang qisas atau hudud.

Penggubalan *Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)* 1965 pula semakin menyempitkan bidang kuasa jenayah mahkamah syariah hanya ke atas individu yang menganut agama Islam dengan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau; denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau; sebatan tidak melebihi enam kali sebatan.

---

13. Antaranya termasuklah *Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Selangor)* 1952, *Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Terengganu)* 1955, *Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang)* 1956.

Pada tahun 1993, Dewan Undangan Negeri Kelantan telah meluluskan *Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah Kelantan* yang mengandungi kesalahan hudud, qisas dan takzir. Mengikut kenyataan Menteri Besar Kelantan yang membentangkan undang-undang berkenaan pada 25 November 1993, undang-undang tersebut telah disediakan oleh sebuah jawatankuasa serta disemak oleh Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan dan Mufti Negeri Kelantan. Beliau turut menegaskan bahawa usaha tersebut dilakukan adalah untuk memenuhi kewajipan tuntutan agama dan kegagalan mengusahakannya akan membawa pada dosa.

Sepanjang tempoh 20 tahun, tiada sesiapa pun mengatakan bahawa *Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah Kelantan* tidak berperlembagaan (*unconstitutional*) atas alasan kesalahan-kesalahan itu terletak dalam bidang kuasa Persekutuan dan Badan Perundangan Negeri tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat undang-undang mengenainya.

Pada 2 April 2014, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan telah memutuskan untuk membawa *Private Bill* ke Parlimen dalam usaha mendapatkan kebenaran bagi Badan Perundangan Negeri membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang terletak dalam bidang kuasa Persekutuan, seperti yang diperuntukkan oleh *Perkara 76 (A) Perlombagaan Persekutuan*.

Dalam kenyataan akhbarnya Menteri Besar Kelantan, antara lain, dilaporkan berkata:

*"Sebahagian besar kesalahan jenayah hudud dan qisas seperti mencuri, merompak, merogol, mencedera dan membunuh terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksian ('Penal Code')."*

Selepas itu, mengikut laporan akhbar, Parti Islam SeMalaysia (PAS) menangguh tindakan itu kerana menunggu keputusan Jawatankuasa Teknikal yang akan ditubuh oleh Kerajaan

Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Pada 19 Mac 2015, Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan telah meluluskan sebulat suara *Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II)* (1993) 2015 setelah tertangguh pelaksanaannya lebih 20 tahun selepas ia diluluskan oleh DUN Kelantan pada tahun 1993. Rang Undang-Undang setebal 47 muka surat itu mengandungi kesalahan dan hukuman bagi tujuh kesalahan hudud iaitu *sariqah* (mencuri), *hirabah* (orang yang merampas harta orang lain dengan kekerasan), zina termasuk liwat, *qazaf* (membuat tuduhan zina atau liwat), *syurb* (minum arak atau memabukkan) dan *irtidad* (murtad).

Antara hukuman yang diperuntukkan di bawah *Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II)* (1993) 2015 tersebut adalah kesalahan mencuri kali pertama, di mana pesalah akan dipotong tangan kanan, manakala bagi kesalahan mencuri kali kedua pula, pesalah akan dipotong tangan kiri dan bagi kesalahan mencuri kali ketiga pula hukumannya adalah dipenjara tidak melebihi 15 tahun. Bagi kesalahan merompak, pesalah boleh dihukum bunuh atau disalib, tetapi jika mangsa rompakan dibunuh dan hartanya tidak diambil, pesalah akan dihukum bunuh, manakala jika harta mangsa sahaja diambil, pesalah akan dikenakan hukuman potong tangan kanan dan kaki kiri.

Bagi kesalahan *qazaf* pula, pesalah boleh dihukum sebat sebanyak 80 kali sebatan manakala bagi kesalahan minum arak pula, pesalah boleh dihukum dengan sebatan tidak kurang 40 kali sebatan dan tidak melebihi 80 kali sebatan. Selain itu, bagi kesalahan zina, pasangan yang telah berkahwin dan melakukan zina boleh direjam sehingga mati manakala bagi pesalah yang belum berkahwin hendaklah disebat sebanyak 100 kali dan dipenjara selama setahun. Bagi kesalahan murtad pula, pesalah mesti bertaubat dalam tempoh tiga hari dan jika enggan, pesalah boleh dihukum bunuh.

Usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan *Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) (1993)* 2015 di Kelantan ini turut disokong oleh DYMM Sultan Kelantan. Kerajaan Negeri Kelantan turut berhasrat untuk membawa rang undang-undang persendirian ke Parlimen bagi membolehkan Kelantan melaksanakan undang-undang berkenaan.

Pada 2 September 2002 *Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M* telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu dan telah diperkenangkan oleh Sultan Terengganu, disiarkan dalam warta pada 23 September 2002 dan diisytiharkan berkuat kuasa pada 27 Oktober 2003.

Intipati *Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M* menjadikan undang jenayah Islam yang terdiri daripada jenayah hudud, qisas dan takzir sebagai sebahagian Undang-Undang Negeri Terengganu. Mana-mana kesalahan hudud atau qisas yang tidak dapat dibuktikan menerusi kaedah keterangan hudud atau qisas maka ia menjadi satu kesalahan takzir dan dihukumkan berdasarkan kaedah hukuman takzir. Enakmen ini memilih enam daripada tujuh kesalahan hudud yang masyhur serta dibahaskan dalam kitab-kitab fiqh sebagai kesalahan. Ia tidak memasukkan *bughah* atau memberontak dalam senarai kesalahan hudud. Enakmen ini hanya dikuatkuasakan kepada orang Islam dan juga orang bukan Islam sekiranya mereka membuat pilihan tersebut.<sup>14</sup>

---

14. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali. (2014). *Taknif Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud Dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M: Satu kewajipan & langkah dakwah*. *Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014*. Bangi: UKM.

## 2. BRUNEI DARUSSALAM

Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang diperintah oleh seorang raja (sultan) yang mempunyai kuasa mutlak. Kuasa memerintah yang tertinggi bagi Brunei Darussalam terletak di tangan Baginda. Baginda adalah Perdana Menteri dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Kuasa memerintah turut dipegang oleh Baginda.

Perlembagaan Brunei memberi kuasa kepada sultan untuk membuat pemasyhuran darurat. Pemasyhuran darurat yang dibuat dalam tahun 1962 masih berkuat kuasa sehingga sekarang. Sepanjang pemasyhuran darurat berkuat kuasa, antara lain, Baginda *"boleh membuat apa jua perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai. Perintah-perintah tersebut termasuklah pengubahsuaian, pindaan, penggantian atau penggantungan semua atau mana-mana peruntukan sebarang undang-undang bertulis."* Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 adalah salah satu daripada perintah tersebut.

Sultan tidak boleh didakwa biar pun dengan apa cara sekali pun, termasuk *judicial review* dalam kapasiti peribadi atau rasmi. Malah, pegawai-pegawai kerajaan yang menjalankan tugas mereka juga kebal.

Perkara 85 membolehkan sultan, *"dengan pemasyhuran, meminda, menambah atau membatalkan sebarang peruntukan Perlembagaan ini termasuk Perkara ini; dan Perlembagaan ini tidak boleh dipinda, ditambah atau dibatalkan dengan cara lain."*

Hudud yang dilaksanakan di Brunei Darussalam adalah sebahagian daripada Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (PKHJS 2013). Perintah itu telah diwartakan pada 22 Oktober 2013. Ia mengandungi bahagian takzir, qisas dan hudud. Bahagian takzir mengenakan hukuman penjara dan denda misalnya bagi kesalahan-kesalahan tidak menunaikan Solat Jumaat, tidak

menghormati bulan Ramadan, khalwat dan lain-lain. Undang-undang seperti itu telah pun wujud sebelum ini di Brunei. Apa yang dilakukan ialah bahagian takzir itu dikuatkuasakan, menggantikan undang-undang yang berkuat kuasa sebelumnya. Namun, bahagian hudud belum dikuatkuasakan.

Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian ialah walaupun setelah *Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013* itu dilaksanakan sepenuhnya, Brunei Darussalam tidak akan memansuhkan *Penal Code*. *Penal Code* akan terus berkuat kuasa seiringan dengan *Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013*. Kedua-duanya akan terus terpakai kepada orang Islam dan bukan Islam.

Di bawah Perlembagaan Brunei, tugas membuat tafsiran undang-undang diberi kepada Tribunal Tafsiran yang mempunyai tiga orang ahli yang dilantik oleh Baginda dan memegang jawatan selama mereka diperkenankan oleh Baginda.

Perlu diambil perhatian bahawa dalam Perlembagaan Brunei tidak mempunyai peruntukan-peruntukan yang mengatakan bahawa Perlembagaan Brunei adalah undang-undang utama negara dan sebarang undang-undang yang tidak selaras dengannya adalah tidak sah. Begitu juga tiada peruntukan mengenai kebebasan asasi, pilihan raya, badan kehakiman mahupun mahkamah syariah.

Brunei Darussalam adalah sebuah negara *unitary*, bukan sebuah persekutuan dan tiada pembahagian kuasa perundangan di antara persekutuan dan negeri. Tiada sekatan keperlembagaan mengenai bidang kuasa mahkamah sivil mahupun mahkamah syariah. Misalnya, bidang kuasa mahkamah syariah tidak terhad kepada orang-orang yang menganut agama Islam sahaja. Tiada sekatan mengenai jenis kesalahan yang boleh diletak di bawah bidang kuasa mahkamah syariah. Contohnya, kesalahan berkenaan “*precepts of Islam*” (suruhan Islam) atau mengenai jenis hukuman

yang boleh dilaksanakan oleh mahkamah syariah. Jika ada apa-apa sekatan pun, sultan berhak sama ada mengabaikannya ataupun memindanya.

Dalam keadaan itu, tiada apa atau sesiapa yang boleh menghalang sultan jika Baginda hendak membuat sesuatu undang-undang dan melaksanakannya. Demikianlah *Perintah Kanun Kesalahan Jenayah Syariah 2013 digubal*.<sup>15</sup>

Keberkesanan pelaksanaan undang-undang hudud di Brunei Darussalam masih terlalu awal untuk dinilai kerana ia baharu dilaksanakan. Mungkin dalam tempoh tiga atau lima tahun lagi kita boleh melihat bagaimana pelaksanaan sebenarnya berjalan dan kesannya sama ada ia meningkatkan tahap pencapaian keadilan atau mengurangkan kadar jenayah seperti yang diharapkan. Begitu juga ia dapat dijadikan kayu ukur bagi menilai sama ada negara Brunei Darussalam, yang sudah pun aman tenteram itu, akan menjadi lebih aman dan tenteram dengan pelaksanaan *Perintah Kanun Kesalahan Jenayah Syariah 2013*.

Cabarannya paling besar kepada Brunei Darussalam ialah bagaimana Pegawai-Pegawai Penyiasat Syari'ah, Pegawai-Pegawai Pendakwa Syari'ah dan Hakim-Hakim Syari'ah akan menjalankan tugas-tugas mereka dalam menyiasat, mendakwa dan membicarakan kes-kes itu, sekurang-kurangnya pada peringkat awal. Selama ini, pengalaman mereka hanya terhad pada kes-kes jenayah kecil seperti khalwat. Apabila undang-undang tersebut dilaksanakan mereka perlu menangani kes-kes yang lebih rumit termasuk jenayah yang menyebabkan kematian, rogol, kecederaan serta melibatkan penerimaan keterangan saintifik melainkan jika mereka hanya akan menunggu orang yang disyaki membuat

---

15. Abdul Hamid Mohamad. (2014). Penggubalan undang-undang hudud di Brunei dan Malaysia: Masalah yang berlainan. *Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014*. UKM, Bangi.

pengakuan melalui *iqrar*, yang mungkin amat jarang berlaku. Penghakiman-penghakiman itu akan mencerminkan mutu pentadbiran keadilan yang mereka lakukan. Mungkin Brunei Darussalam akan membuktikan sesuatu kelak. Kita tunggu dan lihat. Sekurang-kurangnya di Brunei Darussalam, pelaksanaan undang-undang hudud bukanlah disebabkan survival politik atau untuk memenangi pilihan raya. Kerja-kerja untuk merealisasikan impian ini telah berjalan kira-kira tiga puluh tahun dan masih belum selesai. Kita tahu bahawa mereka telah berusaha melakukan sebaik mungkin yang mereka boleh melaksanakannya dengan jujur dan telah menghasilkan suatu model yang mereka percaya bersesuaian dengan keadaan di Brunei Darussalam. Kita doakan kejayaan mereka.<sup>16</sup>

### 3. ARAB SAUDI

Arab Saudi adalah salah sebuah negara yang mengamalkan hudud dalam perundangan negaranya. Merujuk pada statistik jenayah Arab Saudi, negara ini mempunyai kadar jenayah yang amat rendah. Contohnya, jumlah kes jenayah di Arab Saudi sepanjang tahun 2012 ialah 2,669 kes sahaja.

Pada tahun 2000, jenayah rompakan per kapita memaparkan bahawa Arab Saudi berada di tangga ke-60. Negara yang kononnya demokratik dan mengamalkan undang-undang bebas seperti Amerika Syarikat berada di tangga ke-11 manakala United Kingdom pula berada di tangga ke-8.<sup>17</sup>

---


16. *Ibid.*

17. *Seventh United Nations Survey of Crime Trends and Operations of Criminal Justice Systems, Covering the Period 1998-2000* (United Nations Office on Drugs and Crime, Centre for International Crime Prevention).

Menurut James Sheptycki, Ali Wardak, James Hardie-Bick dalam tulisan mereka *Transnational and Comparative Criminology* (1988, halaman 95), kadar pembunuhan di Arab Saudi adalah 1.1 bagi setiap 100,000 penduduk, kesalahan seksual adalah 21.9 bagi setiap 100,000 penduduk dan kecurian adalah 70.5 bagi setiap 100,000.

Sementara itu, Amnesty International (sebuah badan pemantau hak asasi manusia) menyatakan bahawa negara itu sudah melaksanakan sekurang-kurangnya 44 hukuman mati sejak Januari 2011.<sup>18</sup>

Terdapat juga dakwaan yang mengatakan bahawa Arab Saudi hanya mengenakan hukuman hudud ke atas rakyat, namun tidak bagi golongan istana, sedangkan pelaksanaan hudud perlulah secara menyeluruh untuk semua golongan sebagaimana maksud hadis Nabi SAW, jikalau Fatimah, anak perempuan Baginda SAW mencuri, beliau wajib dipotong tangan.<sup>19</sup>



- 
18. Dr. Aminurrasyid Yatiban. *Hudud terbukti mampu selesai jenayah di Saudi.* (25 Ogos 2012). Dilayari pada Jun 2014 di <http://www.ibnuhasyim.com/2012/08/hudud-terbukti-mampu-selesai-jenayah-di.html>.
  19. Muhammad Shamsul Abd Ghani. (2014). Dilayari pada Jun 2014 daripada <http://www.Sinarharian.Com.My/Nasional/Hudud-Bukan-Hanya-Untuk-Rakyat-Bawahan-1.277924>.

#### 4. PAKISTAN

Pada tahun 10 Februari 1979, empat set ordinan dan satu perintah perundangan baharu telah diisyiharkan oleh Presiden Pakistan, Muhammad Zia-ul-Haq. Undang-undang ini telah dibangunkan bagi penubuhan sistem perundangan Islam untuk perbicaraan kesalahan di Pakistan.<sup>20</sup> Undang-undang berkenaan adalah seperti berikut:

- i. *Ordinan Kesalahan Terhadap Harta (Penguatkuasaan Hudud) (VI tahun 1979)* berkenaan jenayah curi.
- ii. *Ordinan Kesalahan Zina (Penguatkuasaan Hudud) (VII tahun 1979)* iaitu ordinan berkenaan kesalahan zina (zina) dan *zina bil jabbar* (rogol). Kedua-dua peruntukan ini telah ditakrifkan secara berasingan di dalam Ordinan Kesalahan Zina.<sup>21</sup> Ordinan Kesalahan Zina ini memperuntukkan bagi dua jenis hukuman kesalahan zina; hukuman *hadd zina* di bawah Seksyen 8 atau takzir di bawah Seksyen 10.

*Ordinan Kesalahan Zina* memperuntukkan di bawah hukuman *hadd zina*, mahkamah memerlukan “*sekurang-kurangnya empat orang saksi lelaki dewasa Islam, yang mahkamah berpuas hati, dengan mengambil kira keperluan tazkiyah al-syuhud, bahawa mereka adalah orang-orang yang benar dan menahan diri daripada dosa-dosa besar ('kabair'), yang boleh memberikan keterangan sebagai saksi untuk membuktikan kesalahan itu.*”

Sehingga kini, tiada kes dapat dibuktikan di bawah *hadd* kerana ketetapan yang ketat di bawah peruntukan tersebut.

---

20. Wikipedia, *Hudood Ordinance February 2010*. Dilayari pada 14 Jun 2014 [http://en.wikipedia.org/wiki/Hudood\\_Ordinance](http://en.wikipedia.org/wiki/Hudood_Ordinance).

21. Pakistan turut menggunakan pakai *Akta Perlindungan Wanita (Undang-undang Jenayah Pindaan) 2006*.

Hukuman zina yang diputuskan oleh mahkamah di Pakistan dibuat di bawah peruntukan *Seksyen 10, Ordinan Hudud*.

### Kelemahan Pelaksanaan Hudud Di Pakistan

Pada tahun 1981, Jehan Mina, seorang anak yatim berusia 13 tahun telah dihantar oleh neneknya untuk membantu ibu saudara beliau di sebuah kampung terpencil di utara Pakistan. Dua tahun kemudian, pada tahun 1983, Jehan mengandung. Menurut keterangannya, dia telah dirogol oleh bapa saudara dan sepupunya. Keluarganya enggan untuk mempercayai beliau dan mengugut untuk membunuhnya. Seorang bapa saudara Jehan yang bersimpati dengannya telah mencatatkan tuduhan rogol bagi pihak beliau. Malang bagi Jehan kerana keterangannya tidak diterima. Di bawah undang-undang hudud Pakistan, empat lelaki dewasa yang taat perlu menyaksikan perbuatan itu untuk membuktikan dia tidak bersalah dan kerana gagal mengemukakan saksi tersebut, beliau didapati bersalah melakukan zina atau persetubuhan haram. Mahkamah menjatuhkan hukuman ke atas beliau 10 tahun penjara dan 100 sebatan tetapi kemudiannya dikurangkan pada tempoh lima tahun dengan 30 sebatan oleh mahkamah yang lebih tinggi.

Dalam tahun yang sama, Safia Bibi, seorang gadis yang hampir buta berusia 18 tahun bekerja sebagai pembantu rumah di rumah seorang tuan tanah. Menurut kenyataan beliau yang dibuat kepada pihak polis, dia telah dirogol oleh anak sulung tuan tanah tersebut dan kemudiannya oleh tuan tanah itu sendiri. Akibatnya, dia hamil dan melahirkan anak luar nikah. Safia Bibi kemudiannya meninggal dunia. Bapa Safia Bibi membuat aduan kes rogol selepas kematian anaknya tetapi mahkamah membebaskan kedua-dua tuan tanah dan anaknya bagi jenayah itu, kerana tidak ada cukup bukti untuk membuktikan jenayah berkenaan di bawah *Ordinan Hudud*.

Ini kerana dalam kes zina, tertuduh akan disabitkan dengan kesalahan apabila tertuduh tersebut itu seorang Islam dan beliau mengakui melakukan zina atau terdapat empat saksi terdiri daripada lelaki dewasa Muslim menyaksikan perbuatan zina yang dilakukan. Jika tertuduh telah berkahwin, tertuduh hendaklah dihukum direjam sampai mati. Jika tertuduh seorang yang bujang, tertuduh hendaklah dihukum 100 kali sebatan. Jika keterangan yang diperlukan untuk hukuman *hadd zina* tidak dapat dibuktikan, di mana terdapat sebarang keraguan, kes itu masih boleh didakwa untuk jenayah takzir. Pada setiap peringkat hukuman, beban pembuktian terletak kepada pendakwa untuk membuktikan wujud kes rogol atau berzina melampaui keraguan.

Terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa mahkamah-mahkamah di Pakistan cenderung untuk berat sebelah terhadap testimoni wanita. Kajian juga telah menunjukkan beberapa suami memfailkan kes 'zina' terhadap isteri-isteri mereka atau bekas isteri untuk mengaibkan mereka. Ini berdasarkan pada statistik bagi tahun 1988 yang menunjukkan bahawa lebih daripada separuh daripada 90 wanita di dalam tahanan yang berhadapan dengan tuduhan zina adalah atas dakwaan oleh suami atau bapa-bapa mereka.

Apa yang menakutkan ialah apabila seseorang wanita tidak dapat membuktikan kes rogol, mereka akan didakwa melakukan seks haram yang mengakibatkan mereka dikenakan hukuman takzir. Justeru, di Pakistan, wanita yang mendakwa bahawa dirinya telah dirogol sesungguhnya seorang wanita yang berani!

Wanita yang bercerai dan berkahwin semula juga menghadapi risiko pembatalan berniat jahat di bawah *Ordinan Hudud*. Menurut *Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam*, yang diluluskan pada tahun 1961, seorang lelaki yang mahu menceraikan isterinya selepas melafazkan cerai kepada isterinya secara lisan mesti menghantar suatu notis bertulis mengenai perceraian kepada

majlis tempatan dan menyediakan salinan kepada isterinya. Selepas 90 hari pendaftaran rasmi tersebut, perceraian pasangan disahkan. Dalam tempoh tiga bulan tersebut, satu majlis timbang tara akan ditubuhkan untuk cuba mendamaikan pasangan. Jika ia berjaya, perceraian itu dibatalkan. Bagaimanapun, selepas pelaksanaan undang-undang hudud di Pakistan, kegagalan suami untuk mendaftar perceraian sering mengakibatkan hukuman jenayah terhadap isteri. Wanita yang telah berkahwin semula selepas perceraian mempercayai bahawa suami pertama mereka telah mendaftarkan perceraian mereka sebaliknya dikenakan dakwaan zina oleh suami pertama.

Sebagai contoh, kes Shahda Parveen dan Mohammed Sarwar, yang telah dijatuhan hukuman rejam sampai mati bagi jenayah zina dan rogol pada bulan November 1987. Shahda telah bercerai dengan suami pertamanya dan mengahwini Mohammed 90 hari selepas tempoh perceraian itu. Shahda juga mempunyai afidavit yang membuktikan status bujangnya. Walau bagaimanapun, Shahda tidak tahu bahawa suami pertamanya tidak mendaftar perceraian mereka seperti yang dikehendaki di bawah *Ordinan Undang-undang Keluarga Islam* dan telah menuntut supaya Shahda kembali kepadanya.

Oleh kerana perceraian pertama Shahda ini tidak diiktiraf oleh mahkamah, dia dan suami baharunya dituduh dengan jenayah zina dan rogol serta dihukum mati. Hukuman itu kemudiannya dibatalkan oleh mahkamah agung atas alasan bahawa ia tidak mempunyai asas dalam undang-undang atau fakta tetapi pada masa itu, Shahda telah menghabiskan masa lebih sembilan bulan di dalam penjara.

Mohammed Sarwar, sebelum ini juga telah berkahwin dan belum menceraikan isterinya. Tetapi kerana poligami adalah undang-undang di Pakistan, dia dibebaskan dengan serta-merta melalui ikat jamin. Di samping itu, lebih separuh daripada 44

wanita Karachi Tengah yang menjalani hukuman penjara pada tahun 1987, telah didakwa atas kesalahan hudud serta dituduh melakukan zina kerana meninggalkan rumah dengan seorang lelaki pilihan mereka.

Walaupun banyak kes yang akhirnya tertuduh dilepaskan, namun wanita dan lelaki yang dituduh akan melalui tempoh dipenjarakan yang panjang sebelum mereka dibebaskan. Hal ini adalah satu realiti terutama bagi wanita yang tidak mempunyai sumber kewangan untuk mendapatkan khidmat peguam atau membayar ikat jamin.<sup>22</sup>

Pada tahun 2006, Presiden Pervez Musharraf membentangkan cadangan bagi pembaharuan *Ordinan Hudud* tersebut. Pada 15 November 2006, *Rang Undang-Undang Perlindungan Wanita* telah diluluskan di dalam Dewan Negara, membolehkan rogol menjadi *prosecutable* di bawah Undang-Undang Sivil. Rang undang-undang tersebut telah disahkan oleh Senat pada 23 November 2006, dan menjadi undang-undang selepas Presiden Pervez Musharraf menandatanganinya pada 1 Disember 2006. Bagaimanapun, masih terdapat kritikan daripada pihak hak asasi manusia terhadap undang-undang ini.

## 5. SUDAN

Kod Jenayah Sudan diterima pakai pada tahun 1991. Ia merangkumi kesalahan-kesalahan berikut:

---

22. Rose Ismail. (2012). *Law without justice*. Dilayari pada 14 Jun 2014, jam 10 malam, daripada [http://members.tripod.com/signs\\_magazines/issue6/law\\_without\\_justice.html](http://members.tripod.com/signs_magazines/issue6/law_without_justice.html).

## Artikel 151 Kod Jenayah Sudan

### (*Gross Indecency*)

(1) *There shall be deemed to commit the offence of gross indecency, whoever commits any act contrary to another person's modesty, or does any sexual act, with another person not amounting to adultery, or sodomy, and he shall be punished, with whipping, not exceeding forty lashes, and he may also be punished, with imprisonment, for a term, not exceeding one year, or with a fine.*

(2) *Where the offence of gross indecency is committed in a public place, or without the consent of the victim, the offender shall be punished, with whipping not exceeding eighty lashes, and he may also be punished, with imprisonment, for a term, not exceeding two years, or with fine.*

## Article 152 (*Indecent and Immoral Acts*)

(1) *whoever commits, in a public place, an act, or conducts himself in an indecent manner, or a manner contrary to public morality, or wears an indecent, or immoral dress, which causes annoyance to public feelings, shall be punished, with whipping, not exceeding forty lashes, or with fine, or with both.*

(2) *The act shall be deemed contrary to public morality, if it is so considered in the religion of the doer, or the custom of the country where the act occurs.*

## Kelemahan Pelaksanaan Hudud Di Bawah Kod Jenayah Sudan

Walaupun telah lebih dua dekad Kod Jenayah Sudan dikuatkuasakan, namun terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti dalam melaksanakan undang-undang tersebut.

Sebagai contoh, di bawah peruntukan *Artikel 151 Kod Jenayah Sudan*, pada Jun 2012, Shadia, seorang wanita berusia 18 tahun, telah melintas di hadapan pasar raya yang sesak di Omdurman. Tiba-tiba sebuah kereta yang dipandu secara berbahaya hampir melanggarnya. Seorang lelaki telah menarik dan mengheret beliau untuk menyelamatkannya daripada dilanggar kereta tersebut. Pegawai polis awam yang melihat peristiwa berkenaan telah menahan kedua-dua mereka di bawah tuduhan bahawa mereka telah melakukan suatu perbuatan keji di tempat awam, kerana lelaki itu memeluknya. Kedua-duanya iaitu, Shadia dan lelaki yang cuba untuk menyelamatkan beliau telah disebat dan didenda.<sup>23</sup>

Melalui *Artikel 152 Kod Jenayah Sudan*, pada tahun 2009, kes seorang wartawan, Lubna Ahmed Hussain menarik perhatian masyarakat tempatan dan antarabangsa terhadap cara di mana undang-undang ketenteraman awam digunakan terhadap wanita. Beliau telah ditangkap dan disabitkan dengan kesalahan kerana memakai seluar panjang. Pada mulanya, beliau dihukum sebat di hadapan orang awam, Namun, disebabkan bantahan antarabangsa hukumannya diringankan.

*Kod Jenayah Sudan* juga mengandungi peruntukan *Perkara 154* dan *Perkara 155* yang penuh kontroversi mengenai kesalahan pelacuran atau menyediakan tempat pelacuran. "Tempat pelacuran" menurut Undang-Undang Sudan, ditafsirkan sebagai "*tempat yang ditetapkan untuk pertemuan antara lelaki, atau wanita, atau lelaki dan wanita yang tidak ada hubungan perkahwinan, atau persaudaraan, dalam keadaan di mana kegiatan seksual berkemungkinan berlaku.*"

---

23. <http://www.sihanet.org/sites/default/files/resource-download/report%20to%20the%2052nd%20session%20of%20the%20achpr%20final.pdf>, dilayari pada 14 Jun jam 10.50 malam.

Antara kes yang dibicarakan di bawah peruntukan ini adalah kes Sara. Sara telah membina sebuah gerai berdekatan dengan rumah beliau untuk menjual makanan. Pada bulan Januari 2012, gerai beliau didatangi oleh dua orang pelanggan, seorang lelaki dan seorang wanita yang kemudiannya duduk dan membuat pesanan. Tiba-tiba Pegawai Polis Ketenteraman Awam datang dan menahan beliau dan pelanggan tersebut. Beliau didapati bersalah "menguruskan rumah pelacuran" dan terpaksa meringkuk di dalam penjara selama tujuh bulan.

*Kod Jenayah Sudan* turut memperuntukkan hukuman rejam di bawah *Perkara 146* dan *Perkara 147*. Walaupun jarang dilaksanakan di Sudan, hukuman rejam bagi kesalahan zina telah diputuskan dua kali pada tahun 2012 di mana dua orang wanita, Intisar Sharif dan Layla Jamool telah disabitkan dengan kesalahan zina. Hukuman tersebut dibatalkan berikutan daripada rayuan terhadap kedua-dua kes tersebut.<sup>24</sup>

Dalam satu kes lain di Sudan, tertuduh pada asalnya mengadu dirogol oleh dua orang lelaki semasa mengumpul kayu. Dia adalah seorang janda dan kehamilannya menyebabkan beliau disabitkan atas jenayah zina di mahkamah tinggi dan mahkamah rayuan. Setelah tiga tahun menghabiskan tempoh dalam penjara, beliau akhirnya dibebaskan oleh mahkamah agung kerana tidak ada bukti untuk menangkis tuduhan rogol yang dikemukakan oleh beliau, sedangkan lelaki yang merogolnya langsung tidak diapa-apakan.<sup>25</sup>

- 
24. <http://www.wluml.org/news/sudan-ethiopian-woman-gang-raped-seven-sudanese-men-denied-making-formal-complaint-rape-and-ins>.
  25. Sudan Government, v. Elhgga El-Hussein 1988, 186, *in hudud laws and its implications on women*. (t.t.). Dilayari pada 14 Jun 2014, jam 10 malam, daripada Hjh Nik Noriani Bte Dato' Nik Badli Shah, di <http://www.violenceisnotourculture.org/sites/default/files/Hudud-Nik%20SIS.pdf>.

## 6. NEGARA-NEGARA LAIN

Dalam *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*, John L. Esposito menyebut bahawa walaupun hudud dijadikan undang-undang di beberapa negara tetapi ia tidak dilaksanakan, seperti di Libya (1972-1974), Pakistan (1979) dan Republik Islam Iran (1979). Sementara di Sudan (1983) dan Utara Nigeria (2000), ia hanya dilaksanakan beberapa tahun selepas diperkenalkan, kemudian dihentikan. Pada zaman kini hanya Arab Saudi menjadi contoh bagi pelaksanaan hudud.

### i. Libya

Di Libya, undang-undang hudud telah dinyatakan dalam manuskrip bagi undang-undang hadd mencuri dan menyamun, Nombor 148, tahun 1972 yang diterbitkan di Libya, yang antara lainnya berbunyi, "Sesetengah orang yang ragu-ragu dan tidak mempercayai, mereka menyifatkan hukum potong tangan (iaitu hadd mencuri dan hadd menyamun) sebagai tidak sesuai dengan zaman moden dan dunia yang serba maju, dan mereka menganggapnya keras dan kejam. Mereka melihat dari sudut beratnya hukuman tetapi melupakan betapa kejinya kesalahan dan kesannya yang menimpa ke atas masyarakat." Terdapat laporan yang mengatakan bahawa pelaksanaan hudud di Libya ditangguhkan.

### ii. Afghanistan

Di negara lain yang mengamalkan hudud, misalnya Republik Islam Afghanistan, terdapat laporan insiden di mana si tertuduh tidak diberikan apa-apa pertolongan kecemasan atau bantuan perubatan setelah tangan mereka dipotong. Tiga orang budak kampung yang berasal dari pedalaman hampir maut kerana mengalami pendarahan teruk selepas hukuman dijalankan.

### iii. Somalia

Somalia yang menduduki tangga kedua senarai negara-negara paling Muslim (*Islamic State*) ialah sebuah '*failed state*' kerana kedudukannya di tangga tercorot indeks negara-negara gagal berfungsi. Negara ini dalam keadaan kucar-kacir dengan perang saudara yang sudah berlanjut selama dua dekad di samping menghadapi masalah lanun dan penculikan. Somalia mengalami tahap buta huruf yang amat tinggi (62%). Seramai 1.3 juta orang Somalia tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap dan jangka hayat penduduknya hanya 50 tahun. Somalia telah menegakkan syariah sebagai sistem perundangan rasminya mulai Mac 2009.<sup>26</sup>

---

26. Helen Ang. (2012). *Hudud: negara Islam manakah yang mahu dicontohi*. Dilayari pada 14 Jun 2014, jam 10.45 malam, daripada <http://helenang.wordpress.com/2012/08/31/hudud-negara-Islam-manakah-yang-mahu-dicontohi/>.



## BAB 7

# ISU-ISU MENGENAI HUDUD DI MALAYSIA

### 1. HUKUMAN HUDUD KEJAM DAN ZALIM?

Sesetengah pihak mempersoalkan mengapa Islam memperkenalkan undang-undang yang cukup zalim dan kejam seperti membunuh orang murtad, memotong tangan pencuri, rejam lelaki atau perempuan berzina yang sudah berkahwin sampai mati, serta sebatan seratus kali bagi lelaki dan perempuan yang berzina yang belum berkahwin walhal Islam adalah agama yang membawa rahmat dan kedamaian kepada seluruh alam.

Terdapat pertubuhan bukan kerajaan khususnya yang dikendalikan oleh golongan Islam berfikiran liberal menentang pelaksanaan hukuman hudud di Malaysia. Mereka berpandangan hukuman hudud tidak memberi keadilan, menyimpang daripada Perlembagaan Persekutuan, melanggar hak asasi, mewujudkan diskriminasi antara gender dan menyalimi masyarakat.

Fenomena yang melanda kini ialah ramai umat Islam hari ini yang melihat hukum syariah dengan penuh prejudis dan kecurigaan, sedangkan mereka tidak mempunyai kefahaman yang mendalam berkenaan ilmu tersebut. Malah, ada di antara mereka, secara tidak beradab mencela dan menghina hukum Islam.

## 2. HUKUMAN SEBAT MELANGGAR HAK ASASI MANUSIA?

Sebat adalah merupakan suatu bentuk hukuman yang telah ditetapkan dalam perundangan Islam yang mana ia adalah bertujuan untuk memberi pengajaran kepada si pesalah dan orang yang menyaksikan hukuman tersebut dijalankan. Hukuman tersebut lebih bersifat mendidik dan memberi pengajaran kepada masyarakat daripada melakukan perbuatan yang keji dan hina serta bertentangan dengan hukum syarak.

Dalam perundangan Islam, hukuman sebat terbahagi pada dua bahagian. Pertama, sebat dalam masalah hudud iaitu seksaan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak dan perintah Allah SWT. Kedua, sebat dalam masalah takzir iaitu denda yang bertujuan memberi pengajaran meliputi seksaan bagi kesalahan-kesalahan selain daripada kesalahan hudud, qisas, diyat dan kafarah.

Antara dalil-dalil pensyariatan hukuman sebat boleh dilihat pada dalil berkenaan jenayah zina, firman Allah SWT:

الْزَّانِيْهُ وَالْزَّانِي فَاجْلِدُوْا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَهُ وَلَا  
 تَأْخُذْ كُمْ بِهِمَا رَأْفَهٌ فِي دِينِ اللهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُوْنَ بِاللهِ وَالْيَوْمِ  
 الْآخِرِ وَلَيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ

Maksudnya:

*"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat setiap seorang daripada kedua-duanya seratus kali sebatan dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-duanya dalam menjalankan hukum Allah SWT, jika benar kamu beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat serta hendaklah*

*disaksikan hukuman seksa yang dikenakan itu oleh sekumpulan daripada orang yang beriman.”*

(Surah An-Nur; 24 : 2)

Merujuk sistem perundangan Islam di Malaysia, sebatan telah ditakrifkan sebagai pukulan dengan rotan oleh pengawai yang ditugas khas oleh pihak berkuasa penjara.<sup>27</sup> Hukuman sebat telah diperuntukkan dalam semua *Enakmen Tatacara Jenayah Syariah* di semua negeri di Malaysia dan telah berkuat kuasa mengikut tarikh-tarikh yang telah ditentukan. Hal ini berbeza dengan Kelantan dan Terengganu yang telah memperuntukkan kaedah hukuman sebat yang khusus yang termaktub dalam *Kanun Jenayah Syariah 1985* dan *Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002*.

Hukuman sebat di Malaysia boleh dilihat pada kes Kartika Sari Dewi Shukarnor yang telah dijatuhi hukuman sebatan sebanyak enam kali dan denda sebanyak RM5,000.00 oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan atas kesalahan meminum arak di sebuah pusat peranginan di Cherating, Pahang pada 11 Julai 2008. Namun begitu, hukuman sebat tersebut tidak dilaksanakan setelah mendapat pengampunan daripada DYMM Sultan Pahang yang menggantikan hukuman tersebut kepada titah perintah menjalankan kerja khidmat kemasyarakatan di Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan selama tiga minggu mulai 2 April 2010.

Berdasarkan kes tersebut, walaupun hukuman sebat yang dijatuhan ke atasnya adalah kurang bilangannya daripada yang ditetapkan oleh syarak, namun ia adalah hampir pada hukuman yang telah ditetapkan oleh syariat dan mesti dilaksanakan. Namun begitu, amat mendukacitakan apabila hukuman sebatan

---

27. Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat 1987 Negeri Kelantan.

digantikan dengan hukuman khidmat masyarakat yang terlalu ringan.

Antara jenayah hudud yang menggariskan hukuman sebat di dalam Al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW adalah jenayah zina, *qazaf* dan meminum arak.

Jenayah zina bermaksud persetubuhan haram antara dua individu yang sudah berkahwin dan hubungan seks antara lelaki dan perempuan yang belum berkahwin. Ia terbahagi kepada pesalah *muhsan* dan pesalah *ghayr muhsan*. Hukuman yang ditetapkan adalah disebat 100 kali dan dibuang negeri (menurut kebanyakan persepakatan ulama). Hukuman sebat sebanyak 100 kali tersebut adalah berdasarkan firman Allah SWT:

آلَّزَانِيَةُ وَالْزَانِي فَاجْلِدُوْا كُلَّهُ وَحِدِّ مِنْهُمَا مِائَةً جَلْدَةٍ

Maksudnya:

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat setiap seorang daripada kedua-duanya seratus kali sebatan..."

(Surah An-Nur; 24 : 2)

Jenayah *qazaf* pula bermaksud melemparkan tuduhan zina kepada orang yang baik lagi suci atau menafikan keturunannya. Hukuman untuk *qazaf* ditetapkan oleh Allah SWT menerusi firmanNya:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُخْصَنَتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةٍ شُهَدَاءً فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَيْنَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبِلُوا هُنَّ شَهِدَةً أَبْدَاهُ وَأُولَئِكَ هُنُّ الْفَسِقُونَ إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوهُا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebat dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik. Kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu (dari kesalahannya yang tersebut) serta memperbaiki amalannya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."<sup>28</sup>

(Surah An-Nur; 24 : 4-5)

Jenayah ketiga yang turut dikenakan hukuman sebat adalah meminum arak (*khamar*). Menurut Imam Syafie dan satu pendapat daripada Imam Ahmad mengatakan hukuman bagi kesalahan tersebut ialah 40 kali sebatan manakala menurut pendapat Imam Malik, Abu Hanifah dan satu riwayat daripada Imam Ahmad pula adalah sebanyak 80 kali sebatan. Diriwayatkan daripada Husain Bin Al-Munzir bahawa ketika Sayidina Ali RA ditugaskan oleh Sayidina Uthman RA untuk menjalankan hukuman sebat ke atas Al-Walid Bin 'Uqbah, beliau berkata yang maksudnya:

28. Mohamed S.el-Awa. (1999). *Hukuman dalam undang-undang Islam satu kajian perbandingan*, hlmn. 29. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

*"Rasulullah SAW telah menghukum sebanyak 40 kali sebat, begitu juga Sayidina Abu Bakar tetapi Sayidina Umar menghukum sebanyak 80 kali. Semuanya adalah sunnah, namun yang ini aku lebih suka."*

Terdapat beberapa panduan yang digariskan oleh syariat Islam ketika melaksanakan hukuman sebat ke atas pesalah bagi ketiga-tiga jenayah hudud tersebut. Ia bermula dengan alat sebatan iaitu cemeti yang digunakan mestilah bukan cemeti yang basah supaya tidak melukakan dan cemeti tersebut mestilah bukan cemeti yang bercabang atau pecah. Selain itu, alat sebatan yang boleh digunakan ialah seperti kayu, rotan atau alat-alat lain yang sederhana di mana ia tidak terlalu keras dan tidak terlalu lembut. Sekiranya ia bercabang atau cemeti yang pecah, sebatan itu tidak dikira sebagai satu sebatan, tetapi mengikut bilangan cabang-cabang yang terdapat pada cemeti itu.

Berhubung cara sebatan, penyebat mestilah hanya mengangkat siku dan tidak melukakan pesalah. Pesalah juga tidak boleh disebat di tempat yang sama berulang kali dan tidak juga disebat pada anggota penting dan sensitif seperti di bahagian kepala, muka atau kemaluan. Ini merupakan pendapat dan pandangan Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad. Sementara Imam Malik pula berpendapat, tempat yang boleh disebat hanyalah di bahagian belakang sahaja.

Hukuman sebat juga hendaklah dijalankan ke atas pesalah dalam keadaan cuaca sederhana dan tidak boleh dijalankan ketika cuaca terlalu panas mahupun terlalu sejuk. Aurat pesalah juga turut dititikberatkan Islam walaupun dalam keadaan dia sedang menjalani hukuman. Pesalah hendaklah menutup aurat ketika hukuman dijalankan. Imam Malik dan Imam Abu Hanifah mensyaratkan lelaki-lelaki yang disebat itu hendaklah ditanggalkan pakaianya kecuali yang menutup auratnya. Manakala Imam Syafie dan Imam Ahmad menyatakan tidak perlu

ditanggalkan pakaianya kecuali kalau dia memakai pakaian yang tebal pada musim sejuk, bolehlah ia ditanggalkan.

Selain itu, terdapat garis panduan mengenai kedudukan pesalah ketika disebat. Menurut Imam Malik, pesalah boleh disuruh duduk dan tidak perlu diikat melainkan jika sukar untuk menjalankan hukuman. Kebanyakan ulama pula berpandangan sekiranya yang dihukum itu adalah lelaki maka dia dihukum dalam keadaan berdiri manakala bagi pesalah wanita pula hukuman dilaksanakan dalam keadaan duduk.

Selain itu, hukuman sebat terhadap pesalah wanita yang hamil juga perlu ditangguhkan sehingga kelahiran anak. Hal ini adalah untuk menjaga bayi dalam kandungan dan diri wanita itu sendiri supaya tidak mendatangkan kemudaratan sepanjang kehamilan. Bagi pesalah wanita yang menyusukan anak pula, hukuman sebat hendaklah ditangguhkan ke atasnya sehingga anaknya berhenti menyusu supaya tidak memudaratkan anaknya itu.

Penangguhan hukuman ke atas perempuan hamil yang melakukan penzinaan adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Imran Bin Hasin RA yang menceritakan penangguhan hukuman seorang perempuan yang berzina dari suku Juhainah yang dikenali sebagai Ghamidiyah dan ketika itu perempuan itu sedang hamil kerana berzina.

Di samping itu, hukuman bagi pesalah wanita yang berzina dan sedang dalam nifas (darah yang keluar dari rahim disebabkan kelahiran) hendaklah ditangguhkan sehingga kering darah nifasnya bagi mengelakkan kesakitan sekiranya hukuman terus dilaksanakan. Hukuman sebat juga tidak boleh dijalankan ke atas pesalah lelaki mahupun wanita yang sedang sakit bagi mengelakkan kemudaratan ke atas diri pesalah berkenaan.

Tarikh 9 Februari 2010 menjadi satu tarikh yang mencatatkan sejarah baharu di dalam sistem perundangan syariah di Malaysia apabila pelaksanaan hukuman sebat kali pertama dilaksanakan di negara ini dalam keadaan penuh harmoni dan kerahmatan. Tiga pesalah wanita disabitkan hukuman sebat sebanyak enam sebatan mengikut *Seksyen 23(2) Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997* di atas kesalahan persetubuhan luar nikah. Hukuman tersebut dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain itu, terdapat empat pesalah lelaki turut menjalani enam kali sebatan pada hari berkenaan atas kesalahan yang sama.

Berikutan pelaksanaan hukuman tersebut, beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita mula bangkit dan membantah pelaksanaan hukuman sebat terhadap tiga wanita Islam ini walaupun ia mengikut Undang-Undang Jenayah Syariah kerana dianggap melanggar hak asasi manusia terutamanya terhadap wanita. Golongan ini juga mendakwa hukuman tersebut bertentangan dengan *Undang-Undang Sivil Seksyen 289 Kanun Tatacara Jenayah* yang menghalang hukuman sebat dijalankan terhadap wanita.<sup>29</sup>

Kaedah pelaksanaan hukuman sebat mengikut Undang-Undang Syariah perlu dijelaskan kepada umum kerana ia berbeza dengan cara pelaksanaan hukuman sebat yang sedia ada. Kekeliruan ini timbul kerana masyarakat Islam masih kabur dengan kaedah pelaksanaan hukuman sebat mengikut Undang-Undang Syariah. Sedangkan sekiranya diteliti, pelaksanaan hukuman sebat mengikut Undang-Undang Syariah adalah lebih

---

29 Ariffudin Ishak. (Februari 2010). *Sebat: NGO wanita bantah*. Dilayari pada Jun 2014, jam 10 malam daripada [http://www.mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2010/2/18/mstar\\_berita/20100218175337&sec=mstar\\_berita](http://www.mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2010/2/18/mstar_berita/20100218175337&sec=mstar_berita).

bersifat kemanusiaan dan masih menjaga aib pesalah. Sebagai contoh, pelaksanaan setiap sebatan itu mestilah dengan kekuatan yang sederhana dan pegawai yang menjalankan hukuman sebat itu tidak mengangkat tangannya melebihi daripada kepalanya untuk memastikan kulit pesalah tidak luka atau melecat disebabkan sebatan yang dikenakan. Ketika hukuman sebat dijalankan pesalah dikehendaki memakai pakaian yang menutup aurat.

Berbeza pula dengan hukuman sebatan mengikut Undang-Undang Sivil yang lebih ekstrem sehingga menyebabkan pesalah mengalami luka yang teruk dan parah. Sebatan sivil membiarkan pesalah berada di dalam keadaan telanjang kecuali sehelai kain nipis seperti *apron* yang diikat pada pinggang dan bahagian punggung pesalah dibiarkan terdedah. Perbezaan yang ketara ini cukup untuk menunjukkan bahawa Undang-Undang Syariah masih menjaga aib dan maslahah seseorang walaupun individu berkenaan didapati melakukan kesalahan.

### 3. SEKATAN UNDANG-UNDANG?

Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Perlembagaan adalah "*Supreme Law of the Federation.*"<sup>30</sup> Peruntukan ini menjelaskan bahawa undang-undang tertinggi di dalam negara adalah Perlembagaan Persekutuan. Justeru, Parlimen atau Dewan Undangan Negeri tidak boleh melangkau kuasa menggubal yang diperuntukkan oleh Perlembagaan. Sebarang undang-undang yang diluluskan selepas Malaysia mencapai kemerdekaan dan didapati tidak konsisten dengan Perlembagaan akan dianggap sebagai tidak sah.

---

30. Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam perbahasan mengenai hudud, persoalan yang cuba diselesaikan ialah, adakah sifat ketinggian Perlembagaan itu menyebabkan undang-undang hudud tidak sah dan seterusnya tidak boleh dilaksanakan? Adakah Perlembagaan Malaysia bersifat sekular? Adakah ia tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan sekiranya hudud didapati bercanggah dengan Perlembagaan? Sebaliknya, adakah hukum Allah SWT tersebut boleh diperkenal dan dilaksanakan dalam sistem dan institusi yang sedang diamalkan di negara ini jika ia selaras dengan Perlembagaan? Namun, tiada sebarang peruntukan yang secara harfiah (terperinci) menolak secara total sumber Undang-Undang Islam dan dengan tiadanya peruntukan berkaitan sifat sekular dalam Perlembagaan, maka kita tidak boleh secara implikasi menyatakan bahawa Perlembagaan menolak atau menghalang penggunaan prinsip Islam yang boleh dimanfaatkan.<sup>31</sup>

#### 4. KESESUAIAN PELAKSANAAN HUDUD DI DALAM NEGARA YANG BERBILANG AGAMA?

Persoalan seterusnya ialah kewajaran hudud dilaksanakan di Malaysia yang merupakan sebuah negara yang majmuk serta berbilang kaum, agama, adat resam dan sebagainya. Di samping itu, persoalan tersebut turut menyentuh tentang kewajaran hudud yang merupakan Undang-Undang Islam dikenakan ke atas orang bukan Islam yang pada dasarnya langsung tidak memahami apakah maksud syariah (Undang-Undang Islam) serta lima prinsip dasar syariah (*maqasid syariah*) yang merangkumi

---

31. Shamrahayu Ab. Aziz. (2014). *Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan Hudud Dari Perspektif Perlembagaan Dan Undang-Undang 2014*.

pemeliharaan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.<sup>32</sup>

Kemungkinan besar tiada isu yang timbul sekiranya hudud dilaksanakan di sesebuah negara yang keseluruhan penduduknya adalah terdiri daripada orang Islam. Ini adalah kerana umat Islam telah telah terdidik dengan ajaran Islam dan sudah biasa mengamalkan cara hidup yang berlandaskan syariah. Tambahan pula, sistem pendidikan, pentadbiran dan adat-adat tempatan mereka semuanya berlandaskan dan bercirikan Islam. Berlainan halnya jika penduduk sesebuah negara itu terdiri daripada masyarakat majmuk dan terdapat sebilangan penduduk bukan beragama Islam. Sudah tentu wujud keraguan dalam kalangan mereka bahkan sebahagiannya akan menentang secara terbuka undang-undang hudud yang akan dilaksanakan di Malaysia (sepertimana yang dimanifestasikan oleh salah sebuah parti politik di negara kita iaitu Parti Tindakan Demokratik (DAP).<sup>33</sup>

Sekiranya hudud dikenakan juga ke atas orang bukan Islam tanpa mengetahui matlamat sebenar Undang-Undang Jenayah Islam dan matlamat hudud, kemungkinan besar pelaksanaannya akan menimbulkan perasaan prejudis dalam kalangan bukan Islam. Contohnya, jenayah minum arak. Sudah menjadi kelaziman bagi sebahagian besar orang-orang bukan Islam untuk menyimpan, menggunakan dan meminum arak sama ada secara tertutup atau terbuka, terutamanya sewaktu hari perayaan agama mereka. Orang bukan Islam pada zaman Khulafa' Al-Rasyidin juga boleh meminum arak dan memakan babi. Persoalannya,

- 
- 32. Krishnan, Loganathan. (2010). The antithesis between civil law and Islamic law in a pluralistic society. *Jurnal Shariah*, Jil 18, Bil 2.
  - 33. Zulkifli Hasan. (t.t.). *Polemik hudud di Malaysia: Satu tinjauan ringkas*. Dilayari pada 14 Jun 2014, jam 10 malam, daripada <https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/05/polemik-hudud-di-malaysia-satu-tinjauan-ringkas.pdf>.

wajarkah kita menghukum mereka dengan hukuman *hadd* bila mana perlakuan meminum arak tersebut merupakan sebahagian daripada budaya, adat resam dan satu upacara keagamaan mereka, sedangkan mereka tidak mengetahui bahawa kelakuan meminum arak tersebut merupakan suatu jenayah dan maksiat yang amat besar di sisi Allah SWT.

Dalam konteks ini, firman Allah SWT amat wajar dijadikan rujukan:


سَمَعُونَ لِكَذِبِ أَكَلُونَ لِسُخْتٍ فَإِنْ جَاءُوكَ فَآحِكُمْ  
 بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ وَإِنْ تُرِضَّ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضْرُوكَ شَيْئًا وَإِنْ  
 حَكِمْتَ فَآحِكُمْ بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

Maksudnya:

*“Mereka sangat gemar mendengar berita-berita dusta, dan banyak memakan segala yang haram. Oleh itu, kalau mereka datang kepadamu, (untuk meminta suatu keputusan) maka hukumlah mereka, atau berpalinglah daripada mereka dan kalau engkau berpaling dari mereka maka mereka tidak akan dapat membahayakan engkau sedikitpun dan jika engkau menghukum maka hukumlah mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah SWT mencintai orang yang berlaku adil.”*

(Surah Al-Maa’idah; 5 : 42)

Satu lagi isu hangat yang dibincangkan dalam kerangka hudud ialah berkenaan hukuman rejam sampai mati terhadap penzina dengan mengambil kira suasana perundangan dan masyarakat Islam yang amat berbeza dengan situasi semasa pada zaman kegemilangan Islam.



## 5. BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH YANG TERHAD?

Mahkamah syariah hanya mempunyai bidang kuasa berkaitan kesalahan ke atas orang-orang Islam sahaja. Sekiranya hudud perlu dilaksanakan juga ke atas orang bukan Islam maka bidang kuasa mahkamah syariah terhadap pihak bukan beragama Islam memerlukan pindaan Perlembagaan. Perkara ini kemungkinan bukan merupakan satu persoalan besar sekiranya kita mengambil perhatian tentang kedudukan fiqh terhadap persoalan sama ada hudud terpakai ke atas orang Islam atau sebaliknya.

Dalam *Butiran 1 Senarai Negeri, Jadual Kesembilan*, Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa tentang “*pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan;*”. Dengan adanya peruntukan ini, beberapa kesalahan hudud, berada dalam Undang-Undang Persekutuan. Maka, wujud kesukaran untuk dimasukkan dalam Undang-Undang Negeri dengan kewujudan frasa ini.

Satu perkara lagi ialah, disebut dengan jelas dalam *Butiran 1* tersebut bahawa mahkamah syariah, “*tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh Undang-Undang Persekutuan*”. Walaupun belum ada tafsiran mahkamah mengenai frasa Perlembagaan tersebut, atas peruntukan inilah *Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984* yang meletakkan bidang kuasa mahkamah syariah berkaitan hukuman kepada tiga tahun penjara, lima ribu ringgit denda dan enam sebatan telah digubal oleh Parlimen. Akta ini adalah halangan nyata bagi mahkamah syariah dalam melaksanakan hudud.

Dalam konteks ini, halangan Perlembagaan tidak berlaku di peringkat penggubalan hudud oleh Dewan Undangan Negeri

tetapi halangan diwujudkan oleh *Akta 1965* dan Perlembagaan membuka ruang kepada halangan ini.

## 6. MURTAD : BUNUH ATAU TIDAK?

Pandangan yang paling popular dalam kalangan masyarakat, malah, dalam kalangan pelajar jurusan agama sekalipun, hukuman bagi orang yang murtad daripada agama Islam ialah hukuman bunuh. Namun, sebenarnya terdapat perbincangan yang panjang dan perincian yang lebih jelas mengenai hukuman murtad ini.

Sebahagian ulama menyatakan wajib menjalankan hukuman bunuh ke atas pesalah murtad. Adapun hadis yang biasa digunakan sebagai dalil oleh kelompok yang menyokong pada hukuman bunuh ke atas golongan murtad ini ialah:


*"Barangsiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah ia!"*

(Hadis Riwayat Bukhari)

Terdapat juga hadis lain yang diriwayatkan oleh Abu Musa Al-Asyari RA yang bermaksud;

*Bahawa Baginda Rasulullah SAW berkata kepadanya, "Pergilah kamu ke negeri Yaman". Kemudian Baginda SAW menghantar Muaz Bin Jabal selepas itu. Apabila Muaz sampai ke tempat Abu Musa, Abu Musa menjemput Muaz dengan memberi sebiji bantal alas duduk serta berkata, 'Sila duduk'. Di majlis itu ada seorang yang badannya diikat. Muaz bertanya, 'Apa hal orang ini?' Abu Musa menjawab, 'Orang ini asalnya Yahudi, dia telah masuk Islam kemudian dia balik menganut agama Yahudi semula.' Muaz berkata, 'Aku tidak akan duduk sehingga dia dibunuh (terlebih dahulu), itulah hukum Allah SWT dan RasulNya'."*

(Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)



Berdasarkan hadis di atas adalah jelas bahawa orang yang murtad mesti dibunuh segera apabila dia enggan bertaubat. Hukuman bunuh kepada pesalah murtad telah pun dijalankan oleh Sahabat-sahabat Rasulullah SAW, di antaranya Sayidina Abu Bakar RA, Sayidina Umar RA dan Sayidina Ali RA sewaktu pemerintahan masing-masing. Hukum tersebut tidak sekali-kali bertentangan dengan falsafah kebebasan beragama di dalam Islam (tidak ada paksaan dalam agama), kerana orang Islam tidak boleh sama sekali memaksa orang kafir memeluk Islam, maka terserah kepada seseorang sama ada mahu kekal kufur dan ingkar. Sekiranya seseorang dipaksa memeluk Islam, Islamnya adalah tidak sah. Namun, sekiranya seseorang telah memeluk Islam atas kerelaannya sendiri, dia tidak boleh menukar agamanya.<sup>34</sup>

Oleh kerana kemasukan seseorang itu ke dalam Islam adalah berdasarkan kerelaan dan keikhlasan hati sendiri tanpa paksaan sesiapa, maka tidak timbul persoalan menyekat kebebasannya untuk keluar daripada Islam. Sebaliknya, persoalan yang timbul ialah pencabulan kehormatan Islam dan penghinaan kepada penganutnya yang beriltizam. Dengan ketegasan hukum murtad ini, seseorang itu tidak akan berani untuk menyamar memeluk Islam, sebaliknya menganut Islam berdasarkan kefahaman yang jelas dan keikhlasan hati yang tulus. Penganut yang ramai tanpa kualiti dengan membawa sifat nifik dan kepura-puraan tidak menguntungkan Islam, sebaliknya akan membawa fitnah kepada Islam dan merosakkannya dari dalam.<sup>35</sup>

- 
34. Zakaria@Mahmod Bin Daud. (t.t). *Murtad Mengikut Pandangan Ulama Islam*. Dilayari pada 14 Jun 2014, jam 10 malam, daripada <http://www.kias.edu.my/gema6.htm>.
35. Zaharuddin Abd. Rahman. (t.t). *Beberapa kekeliruan penentang hukum murtad*. Dilayari pada 14 Jun 2014, jam 10 malam, daripada <http://zaharuddin.net/aqidah-&kepercayaan/155-jawapan-kekeliruan-penentang-hukuman-murtad.html>.

Namun, terdapat pandangan daripada ulama kontemporari yang telah membezakan antara murtad (*apostacy*) dengan '*blasphemy*' iaitu serangan dan penyinggungan terhadap sensitiviti pengikut Islam. Perkara ini perlu diteliti memandangkan kita sedang membicarakan soal penentuan hukuman bunuh dan melibatkan nyawa manusia, maka undang-undang yang diperuntukkan perlulah menyediakan definisi yang jelas tentang kesalahan tersebut.

Dr. Taha Jabir Al-Alwani telah menulis sebuah buku khusus untuk membicarakan tentang permasalahan ini iaitu, *Tiada Paksaan Dalam Agama (La Ikraha Fiddin)* yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Institut Kajian Dasar. Beliau telah mengemukakan pelbagai hujah dalam membicarakan persoalan berkaitan isu hukuman terhadap golongan murtad. Antaranya, beliau telah menyebut bahawa di dalam Al-Qur'an terdapat 12 ayat yang membicarakan tentang *riddah* tanpa disebut hukuman dunia yang patut dikenakan terhadap pelaku murtad.

## BAB 8

# USAHA MENGURUS ISU-ISU DI PERINGKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

Pada peringkat negeri, hanya dua buah negeri yang telah membentang dan meluluskan Rang Undang-Undang Jenayah Islam merangkumi hudud, qisas dan takzir di dalam Dewan Undangan Negeri masing-masing, iaitu Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Negeri Terengganu.

Di Kelantan, *Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan* telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada bulan November 1993. Ia diluluskan sebulat suara oleh ahli-ahli dewan tanpa sebarang bantahan dan bangkangan. Antara yang terlibat dalam penggubalan kanun ini adalah Allahyarham Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim, Allahyarham Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, Tun Salleh Abbas, Dato' Hj. Wan Muttalib Embong serta beberapa orang tokoh agamawan Kelantan seperti Dato' Aria DiRaja Ketua Hakim Syar'ei Kelantan dan dipengerusikan oleh Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman. Sebelum dibentang dan diluluskan di sidang DUN, ia terlebih dahulu telah dibentang dan dibincangkan bersama rakyat. Majlis penerangan dijalankan dan melibatkan semua segmen masyarakat, bukan sahaja di Kelantan bahkan di Kuala Lumpur.

Setelah berlalunya lebih 20 tahun, sehingga hari ini kanun

berkenaan tidak dapat dilaksanakan disebabkan kekangan bidang kuasa dan halangan undang-undang. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pra Teknikal dan Jawatankuasa Teknikal Perlaksanaan bagi *Kanun Jenayah Syariah (II) Negeri Kelantan* untuk mengkaji dan menyediakan kajian serta membuat perancangan lengkap ke arah pelaksanaannya. Beberapa siri perbincangan, forum dan seminar telah diadakan. Jawatankuasa berkenaan telah mencadangkan supaya persiapan ke arah pelaksanaan kanun tersebut mengambil kira tiga aspek utama iaitu mengatasi halangan perundungan, menjelaskan kekeliruan yang ditimbulkan oleh sesetengah pihak berhubung beberapa peruntukan dalam enakmen tersebut serta mengemas kini struktur dan pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan.

Kanun berkenaan mengandungi beberapa bahagian dan diikuti dengan beberapa jadual. Bahagian I dan Bahagian II memperuntukkan jenis-jenis kesalahan serta hukuman bagi kesalahan hudud dan qisas. Bahagian III menyediakan beberapa peruntukan bagi mensabitkan kesalahan seperti pembuktian, bilangan dan syarat-syarat saksi, keterangan, pengakuan, *qarinah* serta peruntukan khusus berkenaan dengan takzir sekiranya hudud dan qisas tidak dapat dilaksanakan disebabkan kekurangan pembuktian. Tatacara bagaimana hukuman-hukuman dijalankan diperuntukkan dalam Bahagian IV. Bahagian V pula berhubung dengan beberapa peruntukan umum. Di samping itu, perkara berkaitan dengan penubuhan Mahkamah Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas, pelantikan dan kelayakan hakim-hakim serta keistimewaan mereka diperuntukkan di dalam Bahagian VI.

Kini, Kerajaan Negeri Kelantan sedang mengemas kini *Kanun Jenayah Syariah 1993*. Beberapa jawatankuasa telah dibentuk dan diurussetiakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK). Beberapa peruntukan mungkin perlu dipinda atau ditambah bagi mengelakkan kekeliruan yang sering dibangkitkan

oleh beberapa pihak seperti isu aduan dan kesaksian dalam kes rogol, suami meliwat isteri dan beberapa perkara lain yang mungkin berbangkit. Begitu juga undang-undang berhubung dengan prosedur perbicaraan dan sabitan kes juga akan dikemaskinikan bagi menjamin pelaksanaannya berjalan dengan sempurna. Dalam aspek pentadbiran, Bahagian Pendakwaan akan diasingkan daripada pentadbiran JAHEIK. Tujuannya adalah untuk memastikan proses pendakwaan berjalan lancar dan cepat. Mahkamah Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas juga akan ditubuhkan dan hakim-hakim yang berkelayakan telah pun dikenal pasti. Susun atur langkah ke arah pelaksanaan berjalan sebagaimana yang dirancang. Kerajaan Negeri Kelantan merancang supaya pelaksanaan *Kanun Jenayah Syariah* ini akan tercapai pada tahun 2015.

Pada 19 Mac 2015, Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan telah meluluskan sebulat suara *Rang Undang-Undang Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) 2015* setelah tertangguh pelaksanaannya lebih 20 tahun selepas ia diluluskan DUN Kelantan pada tahun 1993. Walaupun undang-undang berkenaan hanya terpakai kepada orang Islam yang berumur 18 tahun ke atas sahaja apabila undang-undang ini dilaksanakan di negeri itu, kelulusan rang undang-undang ini tetap mendapat bantahan khususnya daripada golongan dan parti politik bukan Islam.

Di Negeri Terengganu pula, *Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M* telah pun diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu dan telah diperkenankan oleh DYMM Sultan Terengganu pada 2 September 2002 serta disiarkan dalam warta pada 23 September 2002 dan diisyiharkan berkuat kuasa pada 27 Oktober 2003.

Enakmen ini menjadikan Undang-Undang Jenayah Islam yang terdiri daripada jenayah hudud, qisas dan takzir sebagai sebahagian Undang-Undang Negeri Terengganu. Mana-mana

kesalahan hudud atau qisas yang tidak dapat dibuktikan menerusi kaedah keterangan hudud atau qisas, maka ia menjadi satu kesalahan takzir dan dihukumkan berdasarkan kaedah hukuman takzir. Ini dapat dilihat menerusi *Seksyen 3; Jenis-Jenis Kesalahan* yang membahagikan kesalahan pada tiga jenis iaitu:

- i. Kesalahan-kesalahan hudud dan hukumannya dinamakan hukuman hudud.
- ii. Kesalahan-kesalahan qisas dan hukumannya dinamakan hukuman qisas.
- iii. Kesalahan-kesalahan takzir dan hukumannya dinamakan hukuman takzir.

*“Dengan syarat bahawa apabila sesuatu kesalahan hudud atau qisas tidak boleh dihukum dengan hukuman hudud atau hukuman qisas kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki bagi hukuman-hukuman itu, maka kesalahan itu adalah menjadi suatu kesalahan takzir dan hendaklah ia dihukumkan demikian.”*

Enakmen ini memilih enam daripada tujuh kesalahan hudud yang masyhur serta dibahaskan dalam kitab-kitab fiqh sebagai kesalahan. Ia tidak memasukkan *bugahah* atau memberontak dalam senarai kesalahan hudud. Enakmen ini hanya dikuatkuasakan kepada orang Islam dan juga kepada orang bukan Islam sekiranya mereka membuat pilihan tersebut.

Bagi dua buah negeri yang telah mentakninkannya, usaha mesti dilakukan bagi memberi ruang ia dilaksanakan di peringkat negeri sebagai model awal pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam. Justeru, sokongan daripada Kerajaan Persekutuan sangat diperlukan untuk mendapatkan kerjasama semua pihak termasuk pihak polis dan penjara serta mengatasi halangan perundangan yang melibatkan Perlembagaan Malaysia.


Pada peringkat Kerajaan Persekutuan, hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan *Kanun Jenayah Syariah* pada tahun 2015 telah disambut baik oleh Kerajaan Persekutuan melalui kenyataan yang telah dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Jamil Khir Baharom dalam satu sesi soal jawab di Parlimen. Beberapa siri perjumpaan telah diadakan di antara pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Persekutuan. Persetujuan telah dicapai untuk membentuk sebuah jawatankuasa bersama di peringkat kebangsaan bagi mencari kaedah terbaik untuk melaksanakannya. Jawatankuasa ini akan diurusetiakan oleh JAKIM dan JAHEIK. Kerajaan Negeri Kelantan bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan kerana menyedari bahawa hasrat itu tidak akan tercapai tanpa adanya sokongan dan kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan. Apa yang diperlukan bukan sahaja kelulusan di peringkat Parlimen tetapi juga kerjasama penuh beberapa jabatan persekutuan seperti Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara dan agensi-agensi lain dalam pelaksanaannya nanti.



## BAB 9

# MERAPATKAN JURANG-JURANG IKHTILAF

Terdapat enam peringkat pelaksanaan dalam usaha membolehkan Undang-Undang Jenayah Islam dilaksanakan di Malaysia dan sekurang-kurangnya untuk orang Islam sahaja. Enam peringkat tersebut adalah:



## 1. PERINGKAT PERTAMA: PEMAHAMAN, PENYEDARAN DAN PENGHAYATAN

Persepsi masyarakat Malaysia terhadap undang-undang hudud boleh dikategorikan pada tiga golongan:

- i. Golongan yang menolak sama sekali Undang-Undang Islam dan kemungkinan Undang-Undang Islam dilaksanakan.
- ii. Golongan yang menerima Undang-Undang Islam tetapi tidak yakin dengan kemungkinan Undang-Undang Islam dapat dilaksanakan sepenuhnya.
- iii. Golongan yang menerima Undang-Undang Islam dan yakin bahawa Undang-Undang Islam dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Antara faktor yang membawa pada persepsi tersebut adalah disebabkan salah tanggapan terhadap undang-undang hudud, termasuklah tanggapan bahawa undang-undang hudud tidak sesuai dilaksanakan di sebuah negara berbilang agama dan bangsa seperti Malaysia. Hal ini berlaku disebabkan pemahaman masyarakat Islam dan bukan Islam mengenai pelaksanaan syariah masih lagi rendah.

Syeikh Abdul Wahab Khalaf, seorang ilmuwan dalam ilmu usul fiqh menyatakan bahawa syariat terdiri daripada hukum-hakam akidah, hukum-hakam akhlak dan hukum-hakam amali. Ia berhubung hukum-hakam berkaitan perbuatan manusia. Hukum-hakam amali ini pula terbahagi pada dua bahagian yang besar, iaitu hukum-hakam ibadat dan hukum-hakam muamalat (transaksi). Hukum-hakam muamalat pula dipecahkan pada tujuh bahagian iaitu; kekeluargaan, madani (sivil), jenayah (hudud, qisas dan takzir), perundangan, kenegaraan, antarabangsa dan ekonomi. Oleh itu, umat Islam khususnya, perlulah memahami terlebih dahulu tentang pelaksanaan syariah secara total.

Menyoroti sirah Rasulullah SAW, Baginda menegakkan Islam secara keseluruhannya, yakni menegakkan kehidupan Islam terlebih dahulu sebelum melaksanakan hukum hudud. Syeikh Dr. Yusuf Al-Qaradawi turut mengupas pendekatan Rasulullah SAW tersebut dengan menyatakan:

*“Sebelum dilaksanakan hudud, beri makan terlebih dahulu kepada orang yang lapar, sediakan pekerjaan kepada penganggur, ajarkan orang yang jahil dan latih para pekerja. Bangunkan masyarakat Islam dengan ajaran-ajaran Islam keseluruhannya yang berkaitan akidah, syariat, akhlak, tata susila dan nilai-nilai murni.”*

Syeikh Muhammad Abdullah Al-Khatib, pengarang *Risalah Al-Ta'lim*, *Syarh Usul Al-'Isyreen* berkata, *“hudud dengan syarat yang ketat dan syarat menyediakan keperluan asas kepada setiap individu sebelum melaksanakannya, dan hudud datang pada kedudukan penghujung hukum-hakam (Islam dari segi perlaksanaan).”*

Syariat Islam bukan sekadar hudud. Oleh itu, di peringkat pertama ini, pemahaman, penyedaran dan penghayatan mengenai syariah yang merangkumi akidah, akhlak dan amali (ibadat dan muamalat) perlu disemai dalam kalangan umat Islam di negara ini. Umat Islam perlu memahami dasar-dasar pelaksanaan syariah yang mengutamakan keadilan dalam semua perkara. Umat Islam juga perlu memahami dasar pelaksanaan syariah dan keperluan membangunkan Islam secara menyeluruh dalam melaksanakan Islam secara total.

## 2. PERINGKAT KEDUA: PERSEKITARAN DAN FASILITI YANG KONDUSIF

Rasulullah SAW sebelum menegaskan tentang hudud, Baginda mewujudkan suasana keadilan yang menyeluruh dalam masyarakat yang diperintah oleh Baginda SAW. Hak dan keadilan

benar-benar ditegakkan di mana tidak wujud diskriminasi dan semua lapisan masyarakat setara di sisi undang-undang. Hak rakyat terjamin dan masyarakat pula hidup dalam suasana harmoni dan saling berpegang pada nilai-nilai kebajikan. Begitu juga masyarakat menikmati suasana halal yang mudah; nikah, talak, fasakh, khuluk dan selainnya sehingga tiada alasan untuk lelaki ataupun wanita berzina. Sementara itu, suasana haram diperketatkan; sukar mendapat dan menebusi perkara haram.


Apabila suasana seperti ini wujud, maka tiada alasan rakyat memilih yang haram. Jika ada memilih yang haram juga, maka memang layak dihukum. Pertama, kerana dia telah mencemarkan suasana harmoni yang telah diwujudkan. Kedua, dia mempunyai penyakit jiwa yang berat sehingga condong memilih perbuatan buruk walaupun sukar dan menolak yang halal walaupun mudah.

Perkara yang terpenting untuk dilihat adalah mengujudkan suasana yang kondusif ini sebelum sesuatu undang-undang dilaksanakan. Ini kerana, jika undang-undang hudud dilaksanakan; dihukum orang bawahan, dilepas orang atasan; dihukum penzina, diketatkan perkahwinan serta disusahkan talak dan fasakh; dihukum peminum arak, digalakkan gambaran arak; dihukum pencuri, dihalang hak rakyat serta dibiarkan rasuah dan salah guna harta negara dalam kalangan golongan atasan; dihukum pemberontak, dibiarkan kezaliman penguasa dan seterusnya, sudah pastilah hudud tidak dapat dilihat keindahannya.<sup>36</sup>

Bahkan jika dilaksanakan hudud dalam suasana yang seperti itu, ia hanya membinasakan masyarakat. Rasulullah SAW menyebut dengan mafhumnya:

---

36. Mohd Asri Zainul Abidin. (2011). Hudud suatu perbincangan: Tanggapan, suasana dan keberkesanan. *Seminar Undang-Undang Syariah Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Hari Hududullah Negeri Kelantan*. Kota Bharu.



*“Wahai manusia! Sesungguhnya binasa orang yang terdahulu daripada kamu kerana mereka itu apabila seorang bangsawan dalam kalangan mereka mencuri, dia dibiarkan. Apabila seorang yang lemah dalam kalangan mereka mencuri, dilaksanakan hukum ke atasnya. Demi Allah! Jika Fatimah anak Muhammad (puteri Rasulullah) itu mencuri, nescaya ku potong tangannya.”*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Pelaksanaan hudud di Malaysia menuntut pada penyediaan yang kondusif. Suasana kondusif ialah suasana di mana apabila hukuman hudud itu dilaksanakan, ia akan mencapai matlamat hukum itu disyariatkan. Tertegak keadilan, pencegahan dan pemeliharaan masyarakat. Sebaliknya, suasana yang tidak kondusif akan menyebabkan pelaksanaan hukuman tersebut membawa pada natijah yang negatif terhadap prinsip keadilan dan masyarakat Islam itu sendiri. Amatlah perlu untuk diwujudkan suasana keadilan yang menyeluruh dalam masyarakat yang diperintah oleh sesebuah kerajaan. Pemerintah dan rakyat adalah sama taraf di sisi undang-undang. Tiada diskriminasi dari segi keturunan dan latar belakang. Sebaliknya, wujud suasana kebijakan; bantu membantu, tolong menolong antara masyarakat yang kukuh.<sup>37</sup>

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan untuk menyediakan fasiliti dan prasarana yang mencukupi bagi menjamin hak rakyat dan sekaligus mewujudkan persekitaran yang sesuai sebelum penguatkuasaan hudud secara total dilaksanakan.

Walaupun hukuman hudud ini sudah termaktub di dalam Al-Qur'an semenjak 1400 tahun yang lalu, namun pelaksanaannya hendaklah dibuat sesudah program tarbiyah disempurnakan

37. *Ibid.*

dalam masyarakat dan selepas pelbagai persediaan lain diwujudkan sepetimana yang telah disusun atur oleh Rasulullah SAW iaitu mengutamakan aspek fardu ain dan fardu kifayah terlebih dahulu. Perkara-perkara berkaitan akidah dan ibadah yang menjadi asas bagi individu Muslim disemai dan dihayati sehingga menjadi satu cara hidup dan menghasilkan *bi'ah hasanah*.


Pelaksanaan hudud sewajarnya didahului dengan kesedaran iman dan penghayatan Islam. Hudud bertindak sebagai pagar yang melindungi segala anak benih kebaikan yang ditanam dan tumbuh subur dalam masyarakat.

Pemerintah juga hendaklah mendidik rakyat agar mengelakkan sikap suka mengangkat kes hudud kepada pihak mahkamah atau berkuasa. Sebaliknya, hendaklah digalakkan budaya kemaafan antara rakyat dan disuburkan pendekatan penyelesaian di luar mahkamah. Ini bertepatan dengan pesanan Rasulullah SAW:

*"Sesungguhnya pencuri pertama dalam Islam dibawa kepada Nabi SAW lalu diperintahkan agar dipotong tangan. Wajah Rasulullah SAW seakan kecewa sedih. Mereka berkata: 'Wahai Rasulullah SAW! Seakan engkau membenci hal ini.' Jawab Nabi SAW: 'Mengapa tidaknya aku benci, kamu semua telah menjadi penolong syaitan menentang saudara kamu. Sesungguhnya tidak wajar bagi pemerintah yang diangkat kepadanya hukuman hadd melainkan dilaksanakan.'*

Lalu Baginda membaca firman Allah SWT, "Hendaklah mereka memaafkan dan berlapang dada; tidakkah kamu mahu supaya Allah SWT mengampunkan dosa kamu?" (Surah An-Nur; 24 : 22).

(Riwayat Ahmad dan Al-Hakim)



Pemerintah bukan sahaja melaksanakan hukum, tetapi hendaklah mendidik akhlak masyarakat agar menghormati pihak yang dihukum. Masyarakat dilarang menghina pihak yang dihukum kerana seolah-olah tiada ruang kebaikan untuknya. Malah, penghinaan tersebut akan menambahkan kerosakan kepada penjenayah. Dalam riwayat Al-Imam Al-Bukhari daripada Abu Hurairah, beliau berkata:

*"Dibawa kepada Nabi SAW seorang yang mabuk (minum arak), maka Baginda memerintahkan agar dipukul, maka dalam kalangan kami ada yang memukulnya dengan tangan, ada yang memukul dengan selipar dan ada pula yang memukulnya dengan kainnya. Apabila selesai, seseorang berkata: 'Allah SWT telah menghinanya.' Maka Rasulullah SAW pun bersabda: 'Jangan kamu menjadi pembantu syaitan (merosakkan) saudara kamu.'"*

### 3. PERINGKAT KETIGA: KAJIAN YANG HOLISTIK

Terdapat banyak persoalan yang dibangkitkan berkaitan dengan hudud. Antaranya, halangan undang-undang dalam melaksanakan hudud dan pelaksanaan hudud yang banyak menimbulkan kegusaran serta persepsi negatif dalam kalangan umat Islam itu sendiri.

Justeru, amat perlu agar satu kajian yang holistik dibuat bagi mengkaji kesemua isu yang dibangkitkan serta meneliti setiap kegusaran masyarakat terhadap pelaksanaan hudud. Sebagai contoh, kerelevan pelaksanaan hukuman hudud, seperti potong tangan terhadap pesalah jenayah curi dan rejam terhadap pesalah zina yang telah berkahwin. Pada zaman sekarang, hukuman berkenaan dianggap sebagai hukuman yang sangat kejam, primitif dan tidak berperikemanusiaan, apatah lagi media-media barat dan kumpulan-kumpulan hak asasi manusia (HAM) sering membangkitkan isu-isu yang bertujuan

untuk memburuk-burukkan imej Islam. Maka, amatlah wajar bagi kita untuk menangguhkannya terlebih dahulu sehingga satu kajian menyeluruh dibuat agar salah faham dan salah tanggapan mengenainya benar-benar terlerai.

Terdapat juga tokoh-tokoh seperti Profesor Tariq Ramadan dalam artikelnya, *"An International Call for Moratorium on Corporal Punishment"* menyeru kepada *moratorium* (penangguhan) hudud disebabkan keadaan dunia yang berubah. Demikian juga tokoh fekah yang terkenal As-Syeikh Mustafa Al-Zarqa dalam *"Fatawa Mustafa Al-Zarq"* meminta agar hukuman rejam tidak dilaksanakan pada zaman kini kerana itu akan menjadi fitnah kepada Islam. Perubahan keadaan manusia pada zaman ini akan menyebabkan pelaksanaan hukuman berkenaan menimbulkan salah tanggapan terhadap Islam. Beliau mencadangkan memadailah dengan hukuman sebat untuk kesalahan zina bagi setiap kategori.<sup>38</sup>

Satu kaedah fiqh yang penting dalam membicarakan soal politik Islam (siyasah syariah) juga ialah:

*"Tindakan pemerintah itu mestilah tertakluk kepada kemaslahatan rakyat."*<sup>39</sup>


Selain itu, salah satu kaedah fiqh juga ada menyebut:

*"Yang bermaksud, mencegah keburukan itu adalah lebih diutamakan berbanding mencapai atau membawa kebaikan."*

---

38. As-Syeikh Mustafa Al-Zarqa', *Fatawa Mustafa Al-Zarqa*, hlmn. 394-395, Damsyik: Dar Al-Qalam.

39. Abdul Karim Zaidan, *Syarh Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah*.



#### 4. PERINGKAT KEEMPAT: PRAPELAKSANAAN

Sekiranya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan hudud, penelitian yang menyeluruh perlu dibuat khususnya dari segi pelaksanaannya bagi menjamin keberkesanannya. Kerajaan juga perlu menetapkan sasaran pelaksanaan hudud secara serius dan bersungguh-sungguh. Contohnya, dengan menggubal pelan induk dan pelan strategik pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam secara komprehensif. Ini tentu sekali memerlukan beberapa siri dan proses rundingan antara pemimpin-pemimpin Islam, pihak pemerintah, rakyat serta wakil rakyat yang mewakili parti masing-masing.

Namun begitu, ia tidak bersifat mutlak dan boleh diatasi dengan kerangka sedia ada. Dalam kerangka sistem perundangan Malaysia dan Perlembagaan Persekutuan sedia ada, pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam sebenarnya boleh dirintis. Ia hanya memerlukan kehendak dan komitmen yang tinggi daripada pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan (*political will*). Ini kerana kemungkinan mustahil untuk merealisasikannya tanpa kuasa politik. Sistem federalisme yang diamalkan di Malaysia banyak memberi kuasa dan kelebihan kepada Kerajaan Persekutuan. Ringkasnya, kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan diperlukan bagi membolehkan ia dilaksanakan walaupun hanya di sebuah negeri. Tanpa kebenaran dan persetujuan tersebut, hasilnya belum pasti di samping berbagai-bagi karenah, halangan dan rintangan terpaksa diharungi.

#### 5. PERINGKAT KELIMA: PERUNDANGAN


Dalam konteks perundangan, terdapat beberapa perkara yang perlu dilaksanakan bagi membantu merealisasikan penguatkuasaan undang-undang hudud di Malaysia:

- i. Mentafsir kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan mengikut kehendak Islam bukan seperti pentafsiran sedia ada

Jika merujuk pada Perlembagaan Malaysia, tiada satu pun peruntukan yang menyatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular. Hanya cara pentafsiran dan amalan kerajaan yang menterjemahkannya begitu. Sebenarnya, terdapat banyak peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan yang memberi keistimewaan kepada Islam. Begitu juga terdapat banyak penghakiman mahkamah yang menyatakan tentang kedudukan dan kelebihan agama Islam dan mahkamah syariah.<sup>40</sup> Dengan keistimewaan kedudukan Islam yang sedia ada dalam Perlembagaan, adalah lebih mudah untuk mendesak pihak kerajaan melaksanakan Islam keseluruhannya daripada menafikan keseluruhan keistimewaan tersebut. Ini adalah kerana tindakan menafikan keistimewaan tersebut seperti berundur selangkah ke belakang.

---

40. Contohnya, kes-kes seperti *Meor Atiqurrahman melawan Fatimah Sihu* (*Mahkamah Tinggi*), *Latifah Mat Zain melawan Rosmawati Sharibuun* (*Mahkamah Persekutuan*), *Lina Joy melawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* (*Mahkamah Persekutuan*) dan *Sulaiman Takrib melawan Majlis Agama Islam Terengganu* (*Mahkamah Persekutuan*). Di dalam kes *Sulaiman Takrib melawan Kerajaan Negeri Terengganu*, Mahkamah Persekutuan memutuskan frasa '*precepts of Islam*' di dalam Item 1 Senarai Negeri bermakna 'perintah agama Islam' bukan 'rukun Islam'. Oleh itu, Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi mewujudkan kesalahan melanggar 'perintah agama Islam' tidak sekadar kesalahan melanggar rukun Islam.



ii. Menghormati Islam dan mahkamah syariah adalah hak eksklusif Kerajaan Negeri

Perlembagaan telah meletakkan Islam dan mahkamah syariah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Justeru, sebarang peruntukan undang-undang yang dikira mengganggu bidang kuasa negeri ini atau undang-undang yang dibuat oleh Parlimen yang menghadkan kuasa Kerajaan Negeri dalam hal ini hendaklah dianggap bertentangan dengan semangat Perlembagaan. Dengan itu, Undang-Undang Jenayah Islam yang akan dilaksanakan oleh mahkamah syariah ke atas orang-orang Islam sepatutnya menjadi hak eksklusif negeri. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri Kelantan hendaklah diberikan hak eksklusif tersebut.

iii. Memperluaskan bidang kuasa mahkamah syariah


Pindaan terhadap *Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965* hendaklah dilakukan bagi meluaskan bidang kuasa jenayah mahkamah syariah. Selagi akta tersebut tidak dipinda, hukuman maksimum boleh dikenakan sebagaimana yang telah dinyatakan. Bagi meminda akta tersebut ia memerlukan kelulusan di Parlimen dengan majoriti mudah sahaja. Jika Parlimen keberatan meminda akta ini bagi menambahkan bidang kuasa mahkamah syariah ke peringkat maksimum, maka dicadangkan agar kesahihan akta ini dicabar di mahkamah atas alasan ia bertentangan dengan Perlembagaan. Hak atas agama Islam dan mahkamah syariah adalah dalam bidang kuasa negeri. Parlimen telah melanggar (*ultra vires*) Perlembagaan Persekutuan apabila meluluskan akta tersebut. Pemisahan antara mahkamah sivil dan mahkamah syariah adalah seperti kehendak *Perkara 121 (1A)* juga hendaklah dipastikan berjalan dengan baik.

- iv. Mengamalkan Undang-Undang Jenayah Syariah sebagai sebahagian daripada hak kebebasan beragama orang-orang Islam

Hak kebebasan beragama sebagaimana peruntukan *Perkara 3* dan *Perkara 11* Perlembagaan Persekutuan, hendaklah difahami sebagai kebebasan untuk mengamalkan keseluruhan ajaran agama Islam. Namun, dari segi amalan yang ada sekarang ia adalah sebaliknya. Orang Islam tidak bebas mengamalkan ajaran agama mereka kerana dihadkan dengan pelbagai peraturan dan undang-undang. Penyebarannya juga terhad dan memerlukan kebenaran pihak yang berkuasa. Orang-orang bukan Islam pula bebas mengamalkan ajaran agama masing-masing. Sekiranya pengikut agama lain berhak mengamalkan agama mereka dengan aman di mana-mana bahagian dalam Persekutuan, dan Islam pula sebagai Agama Persekutuan, sepatutnya orang-orang Islam mendapat lebih banyak hak dan ruang dalam mengamalkan ajaran agama mereka. Islam menuntut pengikutnya mematuhi semua perintah Allah SWT. Oleh itu, kita menuntut agar warganegara yang beragama Islam hendaklah diberi kebebasan mengamalkan sepenuhnya ajaran Islam tanpa sekatan undang-undang. Ini termasuklah dalam bidang Undang-Undang Jenayah selagi mana ia tidak mengganggu hak orang bukan Islam dalam mengamalkan agama mereka. Umat Islam di Malaysia sekadar menuntut apa yang menjadi hak mereka yang sememangnya dijamin oleh Perlembagaan.

- v. Memohon Parlimen meluluskan undang-undang bagi membenarkan negeri-negeri melaksanakan *Enakmen Hudud* di bawah peruntukan *Perkara 76A(1)* Perlembagaan Persekutuan

Kerajaan Persekutuan boleh membenarkan Kerajaan Negeri melaksanakan enakmen tersebut sekurang-kurangnya sebagai



percubaan. Mengikut Perlembagaan, Kerajaan Persekutuan boleh berbuat demikian. Cara yang paling mudah adalah dengan merujuk pada Perkara 76 A(1) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini bermaksud bahawa kuasa Parlimen membuat undang-undang dalam bidang kuasanya termasuklah juga membenarkan Parlimen membuat undang-undang yang memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk membuat undang-undang berkenaan dengan apa sahaja perkara dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.<sup>41</sup>

## 6. PERINGKAT KEENAM: PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN BERTERUSAN

Bagi memastikan pelaksanaan hudud di Malaysia berjalan dengan sempurna dan menepati objektif syariah, ia perlu diuruskan dengan teliti dan berhati-hati. Perlu diingatkan, hukuman hudud akan gugur sekiranya ada *syubhah* (keraguan) walaupun sedikit.

Selanjutnya, pemantauan yang berterusan terhadap proses kehakiman semasa prosiding berjalan perlu sentiasa dipantau. Justeru, dicadangkan sebuah jawatankuasa pemantauan di peringkat negeri dan negara ditubuhkan. Program latihan untuk pihak-pihak berkuasa juga amat perlu dirangka dan dijalankan sebelum pelaksanaan hudud.

---

41. Mohamed Fadzli Bin Dato' Haji Hassan. (2014). Ke arah perlaksanaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993. *Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014*. UKM.



## BAB 10

### PROGNOSIS

Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ يُعِظِّمُ كُلَّ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya). Apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah SWT menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah SWT dengan (suruhannya) itu telah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat."

(Surah An-Nisaa' ; 4 : 58)

Berpandukan pada firman Allah SWT tersebut, kita dapat mengklasifikasikan bahawa amanah yang melibatkan diri manusia terbahagi pada tiga bentuk.

Pertama, hubungan amanah antara manusia dengan Allah SWT. Hal ini bermaksud memelihara hukum Allah SWT dengan berusaha untuk menjadi seorang khalifah yang terbaik di bumi ini melalui pelaksanaan amanah yang berkaitan dengan hak Allah SWT. Ini termasuklah kewajipan mematuhi suruhan yang diperintahkan kepada kita dan menghindari larangan-laranganNya.

Kedua, amanah manusia dengan manusia. Seseorang yang diberikan amanah harus mengembalikannya kepada sang pemilik tanpa ditambah atau pun dikurangi. Hal ini meliputi perkara-perkara seperti memberikan hak kepada orang yang berhak, menepati janji, bersifat adil dan saksama, bercakap benar serta melakukan ihsan kepada masyarakat sekeliling.

Ketiga, amanah yang ada pada diri manusia itu sendiri seperti usia, kekuasaan, kemampuan jasmani dan mental. Jika dipandang dari sudut agama, semua itu adalah amanah Allah SWT yang ada pada diri manusia. Hal ini menjelaskan kepada kita tentang kewajipan menggunakan tubuh badan dan segala kurniaaNya demi menghampirkan diri (*taqarrub*) kepadaNya.

Setiap insan akan dikaitkan dengan amanah dan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas sebagai seorang pemimpin. Begitu juga dengan ses sebuah kerajaan yang merupakan suatu badan atau organisasi yang sah dalam suatu kawasan tertentu serta mempunyai bidang kuasa tunggal bagi memegang jawatan dan kuasa tertentu. Kuasa yang diberikan rakyat kepada para pemimpin kerajaan haruslah digunakan sebaik mungkin bagi menegakkan dan melaksanakan hukum Allah SWT serta sentiasa berlaku adil dalam memimpin negara.

Petikan ayat 54 daripada Surah An-Nisaa' tersebut adalah sebagai satu peringatan untuk ses sebuah kerajaan memenuhi tuntutan yang Allah SWT perintahkan terhadap pemimpin

dalam membentuk kerajaan yang adil dan saksama. Hal ini diperkuatkan lagi dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Kepemimpinan itu satu amanah yang berat yang pada hari kiamat nanti, ia adalah satu penyesalan dan kehinaan melainkan seorang pemimpin yang melaksanakan dengan amanah dan adil kepada rakyat bawahannya."*

(Hadis Riwayat Muslim)

Keadilan dalam konteks ini bermaksud bahawa para pemerintah mestilah menjalankan segala tanggungjawab yang dipikul dengan penuh amanah serta memerintah secara adil tanpa mengira kedudukan.

Berdasarkan pada keterangan maksud penghujung ayat 58 daripada Surah An-Nisaa' ini, jelaslah bahawa pemerintah atau pemimpin yang melakukan kezaliman kepada rakyat dan tidak berlaku adil akan disoal oleh Allah SWT di akhirat tentang apa yang mereka telah lakukan. Hal ini kerana prinsip keadilan dalam Islam menjamin kesemua yang berhak mendapat haknya, tidak ada orang lemah yang tertindas dan tidak ada orang kuat yang memeras. Pemerintah haruslah berlaku adil dalam setiap aspek walaupun berlaku adil itu merupakan tugas yang amat berat dan memerlukan pengorbanan dan komitmen yang tinggi.

Nasihat Khalifah Mu'awiyah RA kepada 'Amr Bin Al-As yang sedang berangkat menuju ke Mesir untuk menjadi pemimpin di sana. Kata Mu'awiyah:

*"Lihatlah kepada keperluan rakyat dan berusahalah untuk menunaikannya. Lihatlah kepada kemelampauan puak yang hina dan berusahalah menghapuskannya. Takutlah kepada orang baik*

yang lapar dan orang jahat yang kenyang. Sesungguhnya yang akan memberontak ialah orang baik apabila dia lapar dan orang jahat apabila dia kenyang.”<sup>41</sup>

Pada masa yang sama, kewajipan untuk melaksanakan Undang-Undang Jenayah Syariah tidak boleh dipertikaikan lagi kerana ia berdasarkan sumber-sumber yang *qat'ie* daripada Al-Qur'an dan As-Sunnah. Semua ayat Al-Qur'an mengenai jenayah hudud (kecuali murtad) menggunakan bentuk perintah yang membawa makna wajib (melaksanakan) jenayah syariah itu.

Kewajiban melaksanakan Undang-Undang Jenayah Islam itu adalah juga tuntutan akidah kerana ia termaktub di dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah yang mana kedua-duanya adalah ruh rukun iman yang mesti diyakini oleh penganut Islam. Kegagalan meyakini kebenaran Al-Quran dan As-Sunnah boleh merosakkan akidah umat Islam. Tindakan mencerca, menghina dan memperlekehkan hukum Allah SWT seperti mengatakan ia tidak adil, kejam dan tidak sesuai pada zaman moden adalah perbuatan yang boleh menggugurkan iman. Justeru, janganlah kita memperkecil dan mendustakan syariat Allah SWT. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya:

إِنَّ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِعَايَاتِنَا وَأَسْتَكْبَرُوا عَنْهَا لَا تُفْتَحُ لَهُمْ أَبْوَابُ  
 السَّمَاءِ وَلَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّىٰ يَلْجَأَ الْجَمَلُ فِي سَمَاءِ الْخِيَاطِ  
 وَكَذَلِكَ نَجِزِي الْمُجْرِمِينَ ﴿٦﴾ لَهُم مِّنْ جَهَنَّمَ مِهَادٌ وَمِنْ  
 فَوْقِهِمْ غَوَاشٍ وَكَذَلِكَ نَجِزِي الظَّالِمِينَ

42. Ibn Muflih. *Al-Adab Al-Syar'Iyyah*, 1/202. Beirut: Muassasah Ar-Risalah/1417H.

Maksudnya:

*"Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat (perintah) Kami dan yang menyombongkan diri terhadapnya, tidak sekali-kali akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan mereka tidak akan masuk syurga sehingga unta masuk ke lubang jarum (kata kiasan bagi suatu yang mustahil berlaku). Demikianlah Kami membalas orang yang melakukan kejahatan."*

*"Disediakan untuk mereka hamparan tidur daripada api neraka dan di atas mereka selimut (daripada api neraka). Demikianlah Kami membalas orang yang zalim (disebabkan keingkarannya)."*

(Surah Al-A'raaf; 7 : 40-41)

Matlamat pelaksanaan sistem perundangan dan kehakiman dalam Islam adalah bagi menegakkan keadilan, menjaga hak-hak (nyawa, harta benda dan kehormatan), melaksanakan hukum-hakam dengan menegakkan *hududullah* serta memelihara akhlak dan nilai-nilai murni supaya dengan tertegaknya keadilan ini sebarang bentuk permusuhan dan kezaliman dapat dihindari.

Dalam Islam, tugas utama seorang hakim bukan untuk menjatuhkan hukuman semata-mata tetapi mesti meneliti setiap kes itu dengan sehalus-halusnya tanpa ada keraguan dan kesamaran. Selagi sesuatu kes masih menimbulkan keraguan adalah lebih baik hakim berkenaan membebaskan tertuduh daripada menjatuhkan hukuman. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Lepaskan hukuman hudud dengan sebab adanya syubhah (keraguan/kesamaran)."⁴²*

---

43. Dikeluarkan oleh Al-Baihaqi, dinyatakan lemah oleh Ibn Hajar Al-'Asqalani dalam *Bulugh Al-Maram*, hadis no: 1047, namun dinilai hasan oleh Al-Sayuthi dalam *Al-Jami' Al-Soghir*, hadis no: 314.

Malah, Sayidina Umar Bin Al-Khattab RA pernah menyatakan bahawa hakim yang tersalah dalam memberi kemaafan (membebaskan tertuduh) adalah lebih baik daripada tersalah menjatuhkan hukuman. (*Al-Baihaqi; Sunan*, vol. 8, hlmn. 236).

Ini juga membuktikan bahawa tujuan utama Undang-Undang Jenayah Islam bukan untuk menghukum semata-mata tetapi yang lebih penting adalah menunaikan perintah Allah SWT dan ajaran Rasulullah SAW. Ini adalah kerana pensabitan seseorang dalam sesuatu kesalahan hukuman hudud perlu melalui proses pembuktian dan kesaksian yang terperinci dan berhati-hati bagi mengelakkan kesilapan dalam penyabitan dan pelaksanaan hukuman.

Oleh itu, keadilan hukuman hudud bukan sahaja dalam hukuman yang dikenakan ke atas penjenayah itu berdasarkan Al-Qur'an dan As-Sunnah tetapi juga para hakim hendaklah memutuskan kes itu dengan adil tanpa dipengaruhi oleh kuasa luar dan campur tangan orang lain. Hal ini dibuktikan dengan firman Allah SWT:

وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Maksudnya:

*"Dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil."*

(Surah An-Nisaa'; 4 : 58)

Justeru, dalam keghairahan beberapa pihak untuk menguatkuasakan hudud di Malaysia, ia perlu diteliti sehalus-halusnya bagi memastikan maksud syariah ini tercapai. Dalam usaha menegakkan syariat dalam negara, keadilan dan kemaslahatan umat Islam khususnya dan masyarakat amnya perlu dijamin kerana ia adalah matlamat di sebalik perintah

menegakkan hukum dalam kehidupan manusia. Jika ada hukum yang ditegak atas nama Islam tetapi gagal membawa keadilan kepada kehidupan manusia, maka ia bukan syariat yang Allah SWT kehendaki meskipun dipetik dalil-dalil agama dalam mempertahankannya. Semua pihak terutamanya pemerintah, perlu bersedia dari segenap akar umbi. Hudud hanyalah mekanisme mengatasi jenayah. Ia dilaksanakan apabila syarat dipenuhi dan suasannya kondusif. Keadilan dan kebijakan serta kemaslahatan rakyat perlu diutamakan dan dipelihara sebelum penguatkuasaan hudud dilaksanakan.

Selain itu, falsafah Undang-Undang Jenayah yang sedang diamalkan di mahkamah sivil perlu dipinda bagi mengembalikannya pada falsafah jenayah sebagaimana kehendak hukum Allah SWT terutamanya berkaitan *maqasid syariah* yang mempertahankan kedudukan agama, akal, keturunan, harta dan kehormatan. Ini juga bagi memudahkan kita untuk menyelaraskan tuntutan syariah melalui peruntukan Perlembagaan, terutamanya dalam menggariskan hukuman bagi kesalahan *riddah* dan minum arak yang sentiasa sahaja dihujah dan dikaitkan dengan kebebasan beragama atau kebebasan individu.

## BIBLIOGRAFI

### BUKU

*Al-Qur'an Mushaf Malaysia Dan Terjemahan.* 2011. Cetakan Keenam. Selangor: Yayasan Restu.

Abdul Halim el Muhammady. (1998). *Undang-undang jenayah Islam dan enakmen negeri-negeri.* Bangi: Wadah Niaga.

Abdul Aziz Bari. (2006). *Politik Perlembagaan: Satu perbincangan tentang isu-isu semasa dari sudut Perlembagaan dan undang-undang.* Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.

Mahfodz Mohamad. (1993). *Jenayah dalam Islam: Satu kajian ilmiah mengenai hukum-hukum hudud.* Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Mat Saat Abd Rahman. (1993). *Undang-undang jenayah Islam, Jenayah Hudud.* Shah Alam: HIZBI.

Mohamed S.el-Awa. (1999). *Hukuman dalam undang-undang Islam: Satu kajian perbandingan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Paizah Hj. Ismail. (2004). *Status wanita dalam undang-undang jenayah Islam.* Kuala Lumpur: YADIM.

### Perlembagaan Persekutuan

Zaini Nasohah. (2008). *Beberapa aspek mengenai hukuman jenayah dalam Islam.* Dlm. Siti Zalikhah Md. Nor et al. Al-Syariah: Fiqh Jenayah, Jilid. 4, 1-21.

### KERTAS KERJA

Abdul Hamid Mohamad. (2014). Penggubalan undang-undang hudud di Brunei dan Malaysia: Masalah yang berlainan. *Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014.* UKM Bangi.

- Mahmood Zuhdi. (2014). Pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia ditinjau dari perspektif maqasid syariah. *Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014*. UKM Bangi.
- Mohamed Fadzli Bin Dato' Haji Hassan. (2014). Ke arah perlaksanaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993. *Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014*. UKM Bangi.
- Mohd Asri Zainul Abidin. (2011). Hudud suatu perbincangan: Tanggapan, suasana dan keberkesanan. *Seminar Undang-Undang Syariah Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Hari Hududullah Negeri Kelantan*. Kota Bharu.
- Mohd Khairuddin Bin Aman Razali. (2014). Taknin Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M: Satu kewajipan & langkah dakwah. *Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014*. UKM Bangi.

## LAMAN WEB

- Clinton, J.E. (September, 1999). Malaysian justice on trial. *E. Journal*. 4(4): 12-15. Dilayari pada 21 Oktober 2000, daripada <http://www@babyrib.clnt.gov.com>
- Belay,N. (Mac, 2013). *Opinion: Sudan must end 'cruel' amputation punishment*. Dilayari pada 2014, daripada <http://edition.cnn.com>
- Nik Noriani Bte Dato Nik Badli Shah. (Ogos, 2012). *Sudan Government v. Elhgga El-Hussein 1988, 186, in hudud laws and its implications on women*. Dilayari pada 2014 daripada <http://www.violenceisnotourculture.orgsites/default/files/Hudud-Nik%20SIS.pdf>.
- Ustaz Wahab's Blog. *Hukuman hudud*. Dilayari pada 14 Jun 2014, daripada <http://ustazabdulwahab.wordpress.com/jenayah/hukuman-hudud/>.

Zaharuddin (Okttober, 2006,). *Jawapan kekeliruan penentang hukuman murtad.* Dilayari pada 14 Jun 2014, daripada <http://zaharuddin.net/akidah-&kepercayaan/155->.

Zakaria@Mahmod Bin Daud. Oktober, 2006). *Kias.* Dilayari pada 14 Jun 2014, daripada <http://www.kias.edu.my/gema6.html>.

Zulkifli Hasan. (2008). *Polemik hudud di Malaysia: Satu tinjauan ringkas.* Dilayari pada 14 Jun 2014, daripada <https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/05/>.

AFP. (23 September 2011). *Hudud terbukti mampu selesai jenayah di Saudi.* Dilayari pada 14 Jun 2014, daripada <http://www.ibnuhasyim.com/2012/08/hudud-terbukti-mampu-selesai-jenayah-di.html>

Info Islam. (t.t). *Jinayat mencuri.* Dilayari pada 2014, daripada <http://www.al-azim.com/masjid/infoislam/jinayat/mencuri.html>.

[http://en.wikipedia.org/wiki/Hudood\\_Ordinance](http://en.wikipedia.org/wiki/Hudood_Ordinance).

<http://helenang.wordpress.com/2012/08/31/hudud-negara-Islam-manakah-yang-mahu-dicontohi/>.

[http://members.tripod.com/signs\\_magazines/issue6/law\\_without\\_justice.html](http://members.tripod.com/signs_magazines/issue6/law_without_justice.html).

[http://www.mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2010/2/18/mstar\\_berita/20100218175337&sec=mstar\\_berita](http://www.mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2010/2/18/mstar_berita/20100218175337&sec=mstar_berita).

<http://www.sihanet.org/sites/default/files/resource-download/report%20to%20the%2052nd%20session%20of%20the%20achpr%20final.pdf>.

<http://www.sinarharian.com.my/global/hudud-pbb-kritik-brunei-1.270050>.

<http://www.wluml.org/news/sudan-ethiopian-woman-gang-raped-seven-sudanese-men-denied-making-formal-complaint-rape-and-ins>.